


Jilid III  
Bil. 20



Hari Selasa  
17hb Julai, 1973

MALAYSIA

**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETIGA  
*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KETIGA  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2267]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) [Ruangan 2307]

Rang Undang-undang Bank Simpanan Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 2310]

Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan)—Rang Undang-undang Ditangguhkan [Ruangan 2315]

Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara [Ruangan 2315]

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) [Ruangan 2360]

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2364]

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

Rumah-rumah Pekerja Keretapi di Sentul dalam Keadaan Buruk [Ruangan 2366]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

PENGGAL YANG KETIGA

---

Hari Selasa, 17hb Julai, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MUHAMAD YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- ” TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M., J.P. (Perlis Selatan).
- ” TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- ” TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- ” TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- ” RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- ” PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- ” TUAN R.C.M. RAYAN *alias* R.C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- ” TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- ” DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- ” TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN HAJI SHAFIE BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- ” TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- ” DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- ” TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- ” TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Larut).
- ” PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- ” TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- ” DATUK TAJUDDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- ” TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- ” TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- ” TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- ” DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- ” TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- ” TUAN YEONG TECK CHYE (Bukit Bintang).
- ” TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- ” TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

## YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,  
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. K.O.M. (Pekan).

” Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan  
Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN  
DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timur).

Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI  
(Kedah Tengah).

” Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED  
GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).

” Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E.  
(Johor Bahru Timur).

” Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI  
MUHAMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

” Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N.  
(Segamat Selatan).

” Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL  
KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

” DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, P.N.B.S. (Payang).

” PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

” TUAN AJAB BIN O.T. UYONG (Labuk Sugut).

” CHE’ GU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

” TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).

” TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

” WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

” TUN DATU HAJI MUSTHAPA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O.,  
O.B.E. (Marudu).

” DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

” DATUK SRI S.P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P.  
(Menglembu).

” TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

” TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

## YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,  
J.M.N. (Dilantik).

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

UNDANG-UNDANG  
KEWARGANEGARAAN

1. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) Samada beliau sedar bahawa sebilangan besar rakyat kita masih lagi tidak sedar dan keliru tentang undang-undang kewarganegaraan negara kita; dan
- (ii) Samada beliau akan mengatur supaya ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan mengenai tatacara yang patut diikuti oleh orangramai di bawah ceraian-ceraian yang berlainan di dalam Perlembagaan dan mengenai dokumen-dokumen yang hendak dibawa dalam setiap kes untuk menyokong setiap permohonan untuk mendapat kewarganegaraan dapat diadakan melalui talivisyen dan radio-radio untuk menjelaskan kepada mereka.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Pada pendapat Kerajaan penduduk-penduduk di negeri ini tidaklah jahil berkenaan dengan undang-undang kewarganegaraan kerana sehingga 31hb Mei, 1973 sejumlah 2,856,101 orang telah mendapat sijil-sijil warganegara secara pendaftaran dan kemasukan. Sayugia disebutkan iaitu adalah menjadi tanggungjawab bagi seseorang yang ingin menjadi warganegara berusaha sendirinya, memahami cara-cara dan undang-undang untuk membolehkan ia memohon menjadi warganegara. Semenjak Merdeka pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran ada memberi ceramah-ceramah dan penerangan-penerangan berhubung dengan kewarganegaraan dari masa kesemasa dalam kursus-kursus sivik yang dikelolakan oleh Jabatan Penerangan. Di samping itu risalah-risalah dan buku-buku

penerangan telah juga diterbitkan dan diedarkan kepada orangramai. Risalah dan buku tersebut ialah seperti berikut:

- (a) Risalah bertajuk "Kewarganegaraan Malaysia" diterbitkan pada bulan Oktober 1969 oleh Jabatan Penerangan.
- (b) Buku penerangan bertajuk "Kewarganegaraan Malaysia" yang ditulis oleh Tan Sri Justice Mohamad Suffian dan diterbitkan pada tahun 1970 oleh Jabatan Penerangan.

- (ii) Pada fikiran saya tidaklah perlu lagi bagi Kerajaan mengadakan ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan melalui radio dan talivisyen oleh sebab penerangan-penerangan mengenai perkara kewarganegaraan telahpun disebarkan dengan luasnya.

**Tuan Chan Yoon Onn:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Samada Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bersetuju bahawa jika lebih ramai rakyat yang ada lebih baik bagi negara di dalam segi berbagai-bagai bahagian tenaga dan ekonomi?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, itu bergantung kepada apa jenis rakyatnya.

**Tuan Chan Yoon Onn:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya Timbalan Menteri yang berkenaan bersetuju mengapa beliau tidak mengambil langkah untuk mengecualikan ujian di dalam peraturan bagi pemohon untuk mendapatkan kerakyatan?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak jelas apa yang dia minta kecualikan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun tidak berapa jelas.

**Tuan Chan Yoon Onn:** Sekiranya Timbalan Menteri bersetuju mengapa beliau tidak mengambil langkah untuk mengecualikan ujian bahawa di dalam peraturan bagi pemohon-pemohon untuk mendapat kerakyatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalnya yang hendak tahu itu?

**Tuan Chan Yoon Onn:** Soalnya mengenai language test itu di exemptionkan.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ujian bahasa yang dimaksudkan itu adalah sebahagian daripada kehendak Perlembagaan.

**Tuan Goh Hock Guan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri berkata pemohon-pemohon bertanggungjawab untuk mengetahui tiap-tiap perkara mengenai application untuk mendapatkan citizenship. Sebagai satu langkah yang boleh menolong pemohon-pemohon, bolehkah Kementerian terbitkan satu risalah sebagai satu contoh bagi tiap-tiap pemohon tahu bagaimana ujian bahasa selalu diadakan. Saya percaya jika suatu risalah begitu boleh diterbitkan, itu boleh jadi satu langkah menolong orang yang hendak menjadi warga-negara, bolehkah Kementerian terbitkan risalah ini?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidur selama ini. Tentang perkara ujian bahasa itu risalah telahpun dikeluarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Risalah telah dikeluarkan.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu ada sebuah buku . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah!

## BORDER SCOUT RESERVISTS

2. Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kenapa ramai bekas "Border Scouts" Sarawak yang diminta mengundur diri daripada perkhidmatan cergas dan dimasukkan ke dalam kumpulan simpanan, tidak dibayar bonos bulanan sebanyak \$10 seperti yang dijanjikan oleh Pesuruhjaya Polis, Sarawak; dan bolehkah beliau memberi jaminan bahawa janji-janji tersebut yang dibuat oleh ketua-ketua pejabat bagi pihak Kerajaan akan ditepati.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, pada menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu saya suka memaklumkan ia itu dalam bulan Julai, 1972 pembayaran

bonos kepada "Border Scout reservists" atau Pengakap-pengakap Sempadan yang ditempatkan dalam simpanan telah dihentikan buat sementara oleh sebab Kerajaan pada masa itu sedang menyusun semula tangga gaji baru bagi Border Scouts. Tangga gaji baru itu telah dilaksanakan di dalam bulan September 1972 dan dikuatkuasakan mulai 1-1-70. Pembayaran bonos kepada reservists itu dihentikan ialah untuk menentukan samada mereka itu layak dibayar bonos atau tidak. Perkara ini sudahlah dikaji dan keputusan telah dicapai bahawa bonos itu akan terus dibayar dari tarikh yang dihentikan.

**Tuan Luhut Wan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan akan menggunakan perajurit-perajurit ataupun border scout yang telah berhenti daripada pekerjaan mereka dan juga yang tidak dibayar gaji pada masa ini; jikalau ada darurat di negara kita, adakah Kerajaan akan menggunakan mereka ini kembali kepada tugas-tugas mereka yang dahulu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu tidak tentu, belum ada lagi darurat; bila ada darurat boleh ditentukan, tidak boleh disoal macam itu.

## PEJABAT IMIGERESEN— KEMUDAHAN

3. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kementerian beliau ada apa-apa rancangan untuk melantik Penolong-penolong Pegawai Imigresen bagi daerah-daerah di mana penduduknya ramai seperti Daerah Hilir Perak, supaya dapat mengatasi masalah orang ramai yang bersesak-sesak di Pejabat Imigresen Ipoh.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya adalah mengkaji dari semasa ke semasa tentang keperluan untuk mengadakan Pejabat Imigresen atau memberi kemudahan-kemudahan imigresen bagi orang-ramai di mana-mana tempat yang difikirkan perlu yakni di mana ada bukti kawalan diperlukan ataupun di mana orang ramai akan menggunakan kemudahan-kemudahan imigresen dengan sepenuhnya. Satu Pejabat Imigresen yang terbaharu telah ditubuhkan di Pulau Langkawi pada 1hb November, 1972.

Mengenai penubuhan sebuah Pejabat Imigeresen di Telok Anson, sebenarnya perkara ini telahpun dikaji tetapi adalah didapati buat masa sekarang tidak ada alasan yang menasabah bagi penubuhan sebuah Pejabat Imigeresen di situ. Keperluan kemudahan-kemudahan imigeresen bagi dua daerah iaitu daerah Hilir Perak dan daerah Batang Padang yang termasuk dalamnya Pekan Telok Anson, Langkap, Bidor, Tapah dan lain-lain tidak ada oleh kerana Telok Anson tidak mustahak diwartakan sebagai sebuah "pintu masuk". Hanya lebih kurang 200 permohonan diterima pada sebulan.

Mengenai Pejabat Imigeresen, Ipoh yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat penuh sesak dengan orang ramai itu, sebenarnya kesesakan itu berlaku sekali sekala sahaja iaitu dalam masa cuti sekolah. Pada masa-masa lain bilangan orang yang pergi ke Pejabat itu tidaklah begitu ramai dan keperluan mereka boleh dibereskan oleh kakitangan Imigeresen di situ dengan memuaskan. Pada masa Pejabat itu sesak dengan orang ramai kakitangan tambahan biasanya dihantar ke situ daripada Pejabat-pejabat lain untuk membantu. Peraturan ini adalah memuaskan.

**Tuan Chan Yoon Onn:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi jaminan supaya Pejabat Imigeresen di Ipoh akan dinaikkan ke taraf Pejabat Paspot atau apa sahaja namanya setaraf dengan Pejabat di Pulau Pinang atau di Kuala Lumpur di dalam masa yang paling singkat yang boleh untuk mengelakkan kesusahan?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir di Pejabat Ipoh boleh mendapatkan paspot juga, ertinya permohonan boleh dibuat melalui Pejabat di Ipoh.

#### DUTI IMPOT—PENGURANGAN

4. **Dr Seevaratnam** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau telah melaksanakan janji beliau yang dibuat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu mengenai mengulangkaji kota impot dan mengurangkan tarif ke atas barang-barang tertentu yang harganya telah melambung naik tanpa sebab-sebab yang munasabah.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak mesyuarat Parlimen yang lalu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan atau mengecualikan duti-duti kastam dengan tujuan untuk menyekat kenaikan harga-harga. Langkah-langkah ini ialah pengurangan duti impot 40 sen bagi satu ela atas "Woven Fabrics Of Man-made Fibres", penghapusan duti impot \$50 satu tan atas "Wire Rods" yang mempunyai ukuran 5.5 mm hingga 6.5 mm dan pengecualian daripada cukai-cukai kastam atas "Glazed and Unglazed Mosaic Tiles".

Ulangkaji tarif atas barang-barang lain yang dikenakan cukai-cukai pelindungan sedang dijalankan oleh Perbendaharaan bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Tindakan untuk mengurangkan atau menghapuskan tarif-tarif akan dibuat sekiranya tindakan itu didapati perlu untuk kepentingan negara.

Berkenaan dengan kota impot ataupun sekatan-sekatan impot, Kerajaan telahpun menjalankan ulangkaji atas semua barang-barang yang sekarang dikenakan sekatan impot dan suka saya menyatakan di sini bahawa kami akan mengambil tindakan untuk menghapuskan sekatan-sekatan itu atas lebih kurang 60 jenis barang-barang.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan. Adakah Menteri Kewangan sedar langkah-langkah yang disebutkan oleh beliau tadi di dalam jawapannya iaitu walaupun langkah-langkah telah diambil, tetapi harga barang-barang di tanahair kita harganya tidak diturunkan. Oleh sebab itu, bolehkah Kementerian Kewangan atau Perbendaharaan mengkaji perkara ini daripada segi, yang pertama, menurunkan cukai impot, yang kedua menurunkan cukai tarif dan yang ketiga, membatalkan kota-kota yang perlu supaya Kerajaan benar-benar boleh mengurangkan harga barang-barang di tanahair kita.

**Tun Tan Siew Sin:** (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I think the Honourable Member will appreciate that there is a certain limit to which we can go in the matter of reducing protective tariffs, import duties or quotas. Where the problem is hoarding or profiteering, I do not think that is the answer. Obviously the answer must lie either in the public boycotting those goods or in the consumers' associations doing something

about it. Obviously you cannot reduce import tariffs, especially protective tariffs, to a point where the industries concerned will suffer.

**Dr Tan Chee Khoon:** Saya bersetuju dengan Menteri Kewangan apabila beliau menyatakan kalau sekiranya harga dinaikkan menyebabkan hoarding katanya, tetapi adakah beliau sedar di tanahair kita sekarang ada beberapa benda, barang itu tidak boleh didapati dan oleh sebab itu perlu Kerajaan Pusat membatalkan kotanya supaya kita boleh mengimpot benda-benda yang dikehendaki di tanahair kita?

**Tuan Yang di-Pertua:** Misalnya barang apa yang tak boleh didapati?

**Dr Tan Chee Khoon:** Tadi, Tuan Yang di-Pertua, beliau menyebutkan tentang iron rods beliau sedar dan saya sendiri sedar dan Dewan ini juga kita ada membincangkan perkara ini. Pada masa sekarang ada kekurangan iron rods kecil dan besar juga, tetapi jika Perbendaharaan boleh membatalkan semua quota dan juga mengecualikan cukai impot, maka kita boleh mengurang atau menurunkan harga benda-benda tersebut.

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, I don't think the Honourable Member listened carefully to the last part of my reply. I stated therein that we would soon be removing 60 items—and this is not a small number—from import quotas or import restrictions. That shows that we are alive to this problem.

**Tuan Goh Hock Guan:** (*Dengan izin*) Sir, the shortage of steel bars mentioned by the Honourable Finance Minister is a serious cause in raising the cost of buildings in this country, in particular, to mention the case of the cost of a terrace house which used to cost only \$10,000 or \$11,000 about less than a year ago, now you won't be able to get it even for \$35,000 per house and a major factor in contributing to this rising cost is the acute shortage of steel bars. So, the question which I would like to ask the Honourable Finance Minister is when would the restriction on the importation of steel bars be removed; when exactly could we get the necessary supply of this crucial material for our building industry so that the prices would be brought down and it will be made easier for people to own houses? The second

question is regarding hoarding which the Honourable Finance Minister mentioned. Hoarding is only part of the problem but the other part of the problem is the inability of our steel mills in this country, primarily Malayawata Steel Mill, to produce a sufficient quantity of steel bars for the building industry. Now, if that is the case and that shortage is apparent, would the Ministry consider allowing more steel mills to be built in this country?

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsr tadi. Berhubung dengan besi telah dipersebutkan di dalam Dewan ini soal ini beberapa kali dan saya telahpun menyatakan bahawa apabila pihak Kerajaan mendapati bahawa besi kurang untuk perusahaan pembinaan di dalam negara kita ini dan beranggarkan lebih kurang, 30,000 tan semuanya di dalam dua macam besi ini, maka Kerajaan telah mengambil tindakan untuk membenarkan kemasukan besi sebanyak 30,000 tan ke dalam negara kita ini dengan tidak ada apa-apa cukai. Tetapi soal yang dihadapi oleh pembina-pembina bangunan di dalam negara kita ini ialah walaupun Kerajaan telah membenarkan kemasukan sebanyak 30,000 tan besi untuk perusahaan pembinaan di dalam negara ini tanpa cukai, mereka tidak dapat membeli besi ini daripada pasaran dunia, dan kalau pun mereka dapat membeli besi di dalam pasaran dunia, mereka telah mendapati bahawa harga besi ini terlampau tinggi. Jadi itulah sebab yang besarnya maka telah terjadi kedudukan di mana besi kurang di dalam negara kita ini. Kerajaan tidak boleh ambil tindakan yang lebih daripada yang telah diambil tindakan oleh Kerajaan dengan begitu tegas membenarkan kemasukan besi ini tanpa apa-apa cukai seperti mana diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini di atas soalan yang pertama.

Berkenaan dengan soalan yang kedua telah dipastikan juga bahawa di dalam negara kita ini beberapa puluh-ribu tan besi telah dikehendaki mengikut anggaran rancangan pembangunan negara kita, dan setelah dipastikan bahawa setakat ini tidak mencukupi, kita telah membenarkan satu syarikat yang

terbesar yang ada saham yang dipunyai oleh Kerajaan, pastinya Syarikat Malayawata. Kita telah membenarkan syarikat ini membesarkan kilangnya dengan cara expansion programme supaya capacity pengeluaran daripada kilang ini akan mencukupi dan menepati kehendak ataupun negara. Jadi inilah dua faktor yang saya suka mengambil kesempatan untuk menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat oleh sebab soal ini telah beberapa kali diterbitkan dan dijawab dengan begitu juga.

**Tuan Goh Hock Guan:** (*Dengan izin*) Sir, regarding the answer given by the Honourable Minister on the question of the supply of steel and the world shortage of steel and the high cost of steel if it is obtained from overseas, would the Government consider stopping the exportation of raw steel ore overseas; in other words, utilise henceforth, from now onwards, all steel ores for home consumption.

Secondly, on the expansion of Malayawata Steel, Sir, it is quite obvious that Malayawata Steel, bogged down as it is by internal management difficulties—since its inception Malayawata Steel has been dogged and suffered from a long series of internal problems—it is quite obvious that Malayawata Steel would not be able, by itself, to cope with the requirements under the Second Malaysia Plan. The Government alone needs more than 12,000 tons of steel and Malayawata could hardly produce that amount of steel for Government consumption alone; in other words the private sector has got nothing. So the question therefore is this, whether, in addition to just expanding Malayawata Steel, it would not be better for the Government to get hold of other people to set up two or three additional steel mills in this country?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak suka hendak memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengexploit jawapan saya tadi dan saya minta Ahli Yang Berhormat membaca soalan asal oleh sebab soal ini telah melencung jauh daripada soalan asalnya dan saya suka pulangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berkenaan.

**Tuan Goh Hock Guan:** Bukan saya hendak exploit soal ini tetapi ialah satu masalah yang berat sekali. Saya harap Menteri yang bertanggungjawab bolehlah beri . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Maknanya exploit atau apa-apa perkataan yang digunakan itu tidak terpaksa menjawab.

**Tuan Peter Paul Dason:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister of Finance, in answer to a supplementary question, just now stated that where prices go up due to hoarding and profiteering, the Government cannot do much and he suggests that consumers do something about it like boycotting the purchase of those items or shops. Mr Speaker, Sir, are we to understand that it is the position of the Government that where profiteers and hoarders create shortages and make prices go up that Government feels that it is not its responsibility to tackle these hoarders and profiteers but that it is the responsibility of consumers of this country to rectify the position?

**Tun Tan Siew Sin:** I am afraid the Honourable Member has purposely twisted my answer. I never implied that the Government should not play its part. The Government will play its part; the public must also play its part.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi yang Berhormat Menteri Kewangan ada mengatakan kalau hendak turunkan tarif-tarif dan quota-quota ini bukan hal yang senang—ada hadnya (limitation). Di sini saya hendak bertanya kepada beliau bahawa kepentingan hal ini terletak ke atas siapa—consumer atau manufacturer. Kalau kata manufacturer saya fikir itu tidak betul, boleh lagi diturunkan quota-quota atau tarif-tarif sebab masalah sekarang ialah mahu menurunkan harga barang-barang untuk faedah kepada consumer. Bolehkah Kementerian Kewangan mengkaji lagi beri faedah kepada orang dengan menurunkan lebih quota-quota dan tarif-tarif.

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, unfortunately, the Honourable Member was not present when I answered this question.

**Tuan Goh Hock Guan:** (*Dengan izin*) Sir, there have been many industries which have been set up in this country and which have been given pioneer status and all the other necessary incentives that go with pioneer status for these industries to be set up. Having set up these industries, which we

needed very badly under our industrialisation programme, a lot of goods which were produced practically captured the market on a monopolistic basis—not only monopoly, Sir, but frequently they used some excuse to raise up prices. In other words, goods which are produced in this country cost more than if we had imported them from overseas. Sometimes there are good reasons for such increases; frequently there are no good reasons. While that is the case, Sir, would the Finance Minister consider examining every pioneer industry which has been set up under the incentive scheme; examine the price of their goods to see whether it is still necessary for them to enjoy the benefits of pioneer status, because they sell their goods at a much higher price than we would have been able to obtain if we had imported them from overseas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah tetap soalan lain. Cuba baca soalan asalnya.

### PASARAN SAHAM

**5. Tuan Yeoh Teck Chye** bertanya kepada Menteri Kewangan apakah yang beliau ingin lakukan untuk mengembalikan keyakinan dalam pasaran saham.

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tentulah menyedari bahawa Akta Perusahaan Sekuriti telah diluluskan oleh Parlimen dan ini akan mengujudkan sebuah pasaran saham yang stabil dan teratur. Sebagai saya nyatakan ketika mencadangkan bil itu di Dewan ini pada 3hb Mei yang lalu, undang-undang ini akan mengujudkan pasaran saham yang lebih baik dan akan memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur. Pada masa sekarang, saya rasa tidak perlu bagi Kerajaan untuk memasuki pasaran ini memandangkan kepada ketinggian harga getah, bijih timah dan lain-lain barang dan kepesatan pembinaan rumah-rumah yang telah mengakibatkan bertambahnya jumlah matawang Malaysia dalam peredaran. Faktor-faktor ini telahpun mengujudkan pasaran saham yang kukuh dan tetap di Malaysia, Ahli Yang Berhormat mungkin juga ingin mengambil perhatian bahawa bukanlah tugas Kerajaan untuk campurtangan dengan mengambil bahagian dalam pasaran ini, tetapi Kerajaan sudah tentu akan mengambil lain-lain tindakan yang perlu untuk memastikan bahawa

pasaran saham di Kuala Lumpur dan Malaysia akan berkembang, dan orang ramai akan merasa yakin terhadap pasaran yang teratur pada setiap masa.

Walaubagaimanapun patutlah diingatkan bahawa tidak berfaedah untuk menggalakkan kenaikan nilai saham ke tingkat yang melebihi harga sebenarnya. Keadaan begini tidak dapat tidak harga saham akan jatuh pada masa hadapan kepada satu harga yang membayangkan nilainya yang sebenar. Sekira jadi begitu maka ramai orang-orang akan terbakar jarinya dan mereka itu mungkin terdiri dari pelabur-pelabur kecil. Secara ringkas inflasi nilai saham akan mengakibatkan lebih banyak keburukan dari kebaikan dalam jangka panjang.

**Tuan Yeoh Teck Chye:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I believe the Honourable Minister is aware that, in fact today most of the shares are below their actual value due to lack of confidence in the share market. Although I agree with the Honourable Minister that there should not be over-speculation in shares to cause an inflated value, there have been a lot of statements given by Government circles which have caused confusion in the share market, and I would like to ask the Honourable Minister to give an assurance that Government will not make unnecessary statements that will cause this lack of confidence and loss of confidence amongst the public in the share market.

**Tun Tan Siew Sin:** (*Dengan izin*) I think a lot depends on how you view the share market. If you compare existing price levels with those prevailing in February this year, I agree you could describe the share market as depressed. But let us remember that the price levels which prevailed five months ago were very inflated and dangerously unhealthy, if I may use the term. I do not know how the Honourable Member calculates share values, but I too have done some calculations myself, the reasons for which the Honourable Member himself is probably aware, and in our view, in the view of the Treasury, existing share prices probably more correctly reflect their intrinsic worth. So I do not think that the Government should do more even if it is within its power to do so.

**Tuan Goh Hock Guan:** (*Dengan izin*) Sir, on the question of restoring confidence in the share market, not long ago the Prime Minister

of Singapore made a statement regarding the share market and as a consequence of that statement the share market took a plunge not only in Singapore but in Malaysia also. The question I want to ask is this, whether it is possible for a Minister in Singapore to make a statement on the share market and for a collapse of the share market to recur once again in Malaysia?

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, in the first place, I would like to correct the statement of the Honourable Member opposite that there is a lack of confidence in the share market. Honourable Members opposite may perhaps remember that only a week ago a public share issue over which I presided was over-subscribed by 14 times. That does not indicate a lack of confidence. It might perhaps indicate that the public, particularly the small investors, are more cautious now and I think that is something to be encouraged rather than to be discouraged.

With regard to the statement of the Singapore Prime Minister, the Honourable Member will probably appreciate that I am not responsible for his statements or for his actions, but the Honourable Member would also recollect that since then we have split the Stock Exchange of Malaysia and Singapore, about which some Honourable Members opposite were not so happy.

#### RANCANGAN BANTUAN AM

**6. Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada beliau sedar bahawa bantuan wang sebanyak \$15 hingga \$30 sebulan bagi orang-orang yang miskin yang tua, yang uzur dan yang kurang bernasib baik adalah tidak mencukupi langsung, terutama sekali memandang kepada sara hidup yang melambung tinggi, dan jika sedar, nyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang dengan seriusnya menambah 2, 3 ataupun 4 kali ganda bantuan wang tersebut.

**Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, bantuan wang yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu ialah bantuan yang diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah Rancangan Bantuan Am mereka. Oleh yang demikian, perkara ini ialah suatu perkara bagi pertimbangan Kerajaan-kerajaan Negeri. Dalam pada itu, saya suka

menyatakan bahawa kebanyakan daripada penerima-penerima bantuan itu ada mempunyai pendapatan mereka masing-masing, samada wang tunai atau mata-benda. Bantuan yang diberi itu ialah sebagai menambah pendapatan supaya mereka dapat menikmati tingkatan sara hidup yang minima.

#### PEMBANGUNAN PERINDASTRIAN

**7. Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah Kerajaan yang telah diambil untuk mengadakan pembangunan-pembangunan perusahaan di Sarawak dan projek-projek perusahaan yang telah dirancang di Daerah Kalaka, di Bahagian Kedua, Sarawak.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah menjadi dasar Kerajaan mempercepatkan pembangunan perindustrian di Negara ini ke seluruhnya dan juga mewujudkan perimbangan ekonomi yang lebih memuaskan di antara kawasan. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah mengistiharkan setengah negeri-negeri yang kurang maju dan juga kawasan-kawasan sebagai "Kawasan-kawasan Pembangunan", bagi tujuan memberi galakan-galakan tambahan di bawah Akta Galakan Pelaburan. Negeri Sarawak ada termasuk di bawah gulungan ini dan galakan tambahan adalah diberikan kepada perusahaan-perusahaan yang ditubuhkan di Sarawak.

Untuk mendorong lagi aktiviti-aktiviti perindustrian ke kawasan-kawasan kurang maju, Kerajaan telah meminda Akta Galakan Pelaburan untuk memasukkan galakan baru dikenali sebagai "Galakan Berhubung Dengan Penempatan". Di bawah galakan ini perusahaan-perusahaan yang telah diluluskan dan ditempatkan di kawasan yang diperistiharkan khas, akan mendapat pengecualian cukai hingga 10 tahun. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada masa sekarang sedang berusaha menetapkan syarat-syarat dan butiran-butiran lanjut untuk melaksanakan galakan ini.

Untuk mempercepatkan lagi kadar pembangunan perusahaan di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan telah membuka Pejabat Penganjuran wilayahnya di Kota Kinabalu pada bulan September, 1972.

Pegawai Wilayah di pejabat ini telah selalu melawat Negeri Sarawak untuk memberi pertolongan kepada badan-badan Kerajaan serta juga pelabur-pelabur dalam hal peng-anjuran dan pelaksanaan projek-projek-perusahaan. Oleh kerana bertambahnya bebanan kerja di negeri Sarawak, sebuah pejabat penganjuran wilayah telah di-rancangkan untuk dibuka di Kuching pada tahun 1974.

Kajian kemungkinan perindustrian di negeri Sarawak telah juga dijalankan oleh Kementerian ini bersamaan dengan UNIDO dalam tahun 1971 dan kajian ini telah membuat beberapa syor-syor berkenaan dengan penubuhan beberapa projek per-usahaan di dalam negeri tersebut. Sekarang ini, laporan tersebut sedang dikaji oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk dilaksanakan dan Lembaga Kemajuan Perusahaan Per-sekutuan akan menolong bagi menganjurkan perusahaan yang dicamkan.

Kerajaan Negeri juga memainkan peranan dengan membangunkan kemudahan-kemudahan asas dan pertolongan perusahaan untuk menarik perusahaan-perusahaan ke Sarawak. Dalam hal ini kawasan-kawasan perusahaan sedang dirancangkan di tiap-tiap bahagian di Negeri Sarawak.

Setengah-setengah daripada perusahaan yang telah dicamkan di dalam kajian kemungkinan wilayah Sarawak boleh di-galakkan untuk ditempatkan di Daerah Kalaka, Bahagian Kedua, Sarawak, jika mengikut pendapat Kerajaan Negeri Sarawak terdapat kawasan-kawasan perusahaan di daerah tersebut menguntungkan.

**Datuk James Wong Kim Min:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, is the Honourable Deputy Minister aware of the very depressed condition of the ship building industry now in Miri, and what has he done to help it?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soal ini, saya fikir ialah berhubung dengan soal ship building industry di dalam kawasan Miri. Setahu saya soal ship building industry di kawasan Miri ini belum tiba di pengetahuan saya lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain. Ini lain division.

## SIARAN BERITA DARI SARAWAK/ SABAH DI RADIO/TV

**8. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil bagi menentu-kan supaya lebih banyak berita-berita mengenai Malaysia Timur dihebahkan melal-ai Radio dan T.V. Malaysia serta BERNAMA supaya akhbar-akhbar di Malay-sia tidak hanya mengandungi peristiwa-wa-peristiwa di Malaysia Barat sahaja.

**Setiasaha Parlimen kepada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian Pene-rangan bukan sahaja hendak membawa berita dari Sarawak dan Sabah ke Semenanjung Malaysia tetapi juga berita di Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak. Itulah sebabnya kita mengadakan rancangan pemberita kita di radio selama 20 minit yang dipancarkan dari setesyen-setesyen Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kota Bharu. Pulau Pinang, Kuching, Kota Kinabalu pada tiap-tiap hari kecuali hari Sabtu dan Ahad. Ini ialah untuk mendekatkan fikiran rakyat pada hidup secara satu famili bukan lagi untuk hidup secara berpuak-puak atau ke daerahan. Misalnya bulan lalu sahaja 10 buah filem mengenai Sabah dan Sarawak masuk dalam rancangan Peristiwa T.V. Dalam warta berita pula lebih kurang 30 berita biasa disiarkan tiap-tiap bulan dan pada tiap-tiap malam Isnin hingga Jumaat berita-berita dari Sabah dan Sarawak disiarkan terus-menerus melalui SEACOM dan troposcatter secara voicecast. Sekarang ini kita sedang menguruskan talex service dua hala dari Kuching ke Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ke Kuching dan dengan itu dapatlah kita membanyakkan lagi berita-berita kedua-dua tempat itu. Untuk penge-tahuan bahawa perkhidmatan ini telah sedia ada iaitu teleprinter service dengan Sabah. Berhubung dengan BERNAMA pula, BERNAMA juga sentiasa memetik berita-berita penting dari Sabah dan Sarawak untuk penggunaan, antara lain oleh akhbar-akhbar di Semenanjung Malaysia, tetapi terpulang kepada akhbar-akhbar itu sendiri samada hendak menyiarkan berita-berita itu atau tidak, kerana akhbar-akhbar adalah bebas di bawah konsep Freedom of the Press.

**Tuan Hji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian ini sedar bahawa perkataan Malaysia Timur itu telah digantikan dengan sebutan Sarawak dan Sabah dan Malaysia Barat itu Semenanjung Malaysia. Tidakkah wajar Kementerian ini menggunakan perkataan itu, tidak bagaimana yang ada di soalan di hadapan kita ini.

**Tuan Shariff Ahmad:** Yang sebetulnya, kita telah ganti menyebut Malaysia Timur itu kepada Sabah dan Sarawak dan Malaysia Barat itu Semenanjung dan ini telahpun diumumkan oleh Perdana Menteri kita dalam Mesyuarat Agong UMNO baharu-baharu ini.

**Tuan Valentine Cotter:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta dengan sepenuh harapan supaya perkara yang tersebut tadi dapat dipercepatkan sebelum kami di Sarawak meraikan hari Kemerdekaan Tuhan Kesepuluh pada 31hb Ogos, 1973 ini dan ada satu perkara yang penting patut disiarkan pada tiap-tiap hari dalam Radio Malaysia atau suratkhobar-suratkhobar iaitu berkenaan harga barang-barang keperluan hari-hari. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan beri jawapan setakat mana yang dapat.

**Tuan Shariff Ahmad:** Tentang coverage itu sudah berjalan sebagaimana saya sebut dalam jawapan saya tadi. Tetapi tentang soal barang-barang ini, masalah yang besarnya ialah kalau kita siarkan harga barang-barang misalnya harga barang di Kuala Lumpur, harga barang di Kuala Lumpur ini berlainan dengan harga barang di Kota Kinabalu, dan kalau kita siarkan pula harga barang di Kota Kinabalu, maka harga barang di situ berlainan dengan harga di Sarawak. Apa yang kita hendak buat hari ini sedang memikirkan samada kita sebutkan harga barang-barang ini mengikut tempat-tempat yang tertentu. Perkara ini sedang diusahakan kerana kita memikirkan banyak tempat dan harga barang dari satu tempat ke satu tempat itu berlainan. Kita akan cuba menguruskannya dan sedang berusaha dengan BERNAMA dan suratkhobar yang lain supaya mereka dapat memberi harga-harga barang ini dan kita boleh quote daripada suratkhobar mereka itu.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Adakah harga yang disiarkan oleh talivisyen

atau suratkhobar-suratkhobar itu kepada orang ramai telah disiasat oleh pihak talivisyen atau radio kepada sipenjual. Adakah sudah disiasat lebih dahulu baharu disiarkan, kerana apakala radio menyiarkan sekati sawi 40 sen, kita pergi di market harganya 50 sen. Bila kita tanya: Radio siarkan 40 sen, "pergi beli sama dialah" katanya (*Ketawa*). Jadi itu saya tanya, sudah disiasat atau belum?

**Tuan Shariff Ahmad:** Yang sebetulnya, Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua soalan itu tidak ada kena-mengena dengan soalan ini, tetapi oleh kerana sudah dikeluarkan, yang sebetulnya belum lagi kita beri harga barang-barang itu, sedang kita memikirkan. Jadi soal "pergi sana beli" tidak timbul.

**Datuk James Wong Kim Min:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah perlu kita samakan harga-harga barang dan cukai antara Semenanjung Malaysia sama dengan Sarawak dan Sabah. Dan Tuan Yang di-Pertua, radio patut terangkan kepada rakyat di seluruh Malaysia harga barang-barang seperti beras, gula, (food-stuff) yang perlu diberikan kepada rakyat tiap-tiap hari.

**Tuan Shariff Ahmad:** Saya katakan tadi, kita sedang menyasat perkara ini.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya, di sini ada mengatakan Talivisyen Malaysia, Radio Malaysia dan juga BERNAMA. Rakyat hendak tahu apa sebab-sebabnya BERNAMA ini namanya ada, tetapi beritanya kurang sangat?

**Tuan Shariff Ahmad:** Nama semua ada belaka, tetapi kita kena faham soalan BERNAMA ini news agency, bukannya suratkhobar. Jadi suratkhobar-suratkhobar itu ada subscribe kepada BERNAMA. Kadang-kadang suratkhobar ini, seperti di Kuala Lumpur, ada reporters dia sendiri. Kalau berita di Kuala Lumpur kurang sekali mereka itu petik daripada berita BERNAMA, tetapi Yang Berhormat itu tidak boleh menafikan bahawa berita-berita BERNAMA daripada tempat-tempat di mana reporters suratkhobar-suratkhobar tidak ada akan dipetik oleh suratkhobar-suratkhobar di Kuala Lumpur ini. Tetapi, kalau kita gaduhkan pula soal BERNAMA tidak banyak berita,

ada lebih baik kalau hendak menengok berita BERNAMA itu, saya nasihatkan kepada Yang Berhormat subscribe kepada BERNAMA.

### JABATAN PESAKIT LUAR

**9. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah apa-apa rancangan hendak mengadakan kelinik-kelinik di tempat-tempat yang berikut dalam kawasan Pulau Pinang Selatan:

- (a) Brown Garden, Glugor
- (b) Green Lane
- (c) Jelutong
- (d) Sungai Nibong Besar, dan
- (e) Relau dan Paya Terubong.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jabatan Pesakit Luar dan "Maternal Child Health Centre" telah dirancang di Glugor dan dijangka akan siap pada penghujung tahun ini. Projek ini adalah di bawah rancangan "decentralization" Jabatan Pesakit Luar. Sebuah Klinik Pergigian juga ada di Glugor.
- (b) Sebuah Poliklinik, Jalan Perak telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kedua dan sekarang ini masih di peringkat perancangan.
- (c) Tidak ada rancangan hendak membina sebarang kelinik di tempat itu oleh kerana sudah ada Jabatan Pesakit Luar Dewan Bandaran.
- (d) Sebuah Pusat Kesihatan Kecil yang ada sekarang terletak hanya lebih kurang 1½ batu daripada Sg. Nibong Besar.
- (e) Sebuah Klinik Bidan sudah ada di Relau.
- (f) Sudah ada sebuah Poliklinik di Ayer Itam dan hanya sebatu atau dua batu daripada Paya Terubong. Klinik ini ada mempunyai kemudahan-kemudahan Pesakit Luar, Kesihatan Kanak-kanak dan Ibu-ibu Mengandung dan juga rawatan pergigian.

**Tuan Tan Cheng Bee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu adakah rancangan hendak mendirikan satu Klinik di Mak Mandin, Butterworth, dan kalau ada bilakah kelinik ini boleh siap?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ialah satu soalan yang lain akan tetapi saya boleh memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya sedang mengkaji kawasan yang hendak diadakan Pusat Kesihatan Kecil atau Pusat Kesihatan Besar dan Poliklinik. Jadi pada masa sekarang ini belum ada rancangan hendak ditubuhkan di kawasan itu.

### PERPUSTAKAAN NEGARA

**10. Tuan V. Veerappen** bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan adakah Kementerian Pelajaran akan mengambil tanggungjawab bagi mentadbir dan membiayai perpustakaan-perpustakaan di negara ini mengikut peruntukan-peruntukan Butiran 13 (b) Senarai Satu, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedia maklum bahawa perkara perpustakaan ada terkandung di dalam Butiran 13 (b) Senarai I, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan di bawah tajuk Pelajaran. Sungguhpun perpustakaan termasuk di bawah tajuk Pelajaran ini tidaklah bermakna bahawa Kementerian Pelajaran mesti bertanggungjawab dalam semua hal berkaitan dengan perpustakaan begitu juga ianya bukan bertanggungjawab di atas muzium, monuments dan records purbakala dan bersejarah, tapak dan tinggalan-tinggalan akiologi yang juga terkandung di bawah tajuk yang sama. Pada masa ini Kementerian Pelajaran bertanggungjawab atas perpustakaan di sekolah-sekolah sahaja dan setakat ini tidak ada rancangan untuk Kementerian itu mengambil-alih keseluruhan tanggungjawab mentadbir dan membaiki perpustakaan di negara ini. Kementerian saya sendiri adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi Perpustakaan Negara Malaysia dan melalui perkhidmatan gunasama untuk pegawai perpustakaan yang sekarang sedang dilaksanakan adalah diharapkan tanggungjawab kaki-tangan perpustakaan di seluruh Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan, kecuali Kementerian Pelajaran terletak di bawah Kementerian saya. Akta Perpustakaan Negara, 1972 yang diluluskan baru-baru ini telah memberi Kementerian saya tanggungjawab keseluruhannya bagi

menyelaraskan perkhidmatan perpustakaan di negeri-negeri dan juga menggalakkan penggunaan perpustakaan awam di tiap-tiap negeri. Pindaan P.U. 296/1968 kepada "Incorporation (State Legislatures Competency) Act, 1962" membenarkan tiap-tiap negeri meluluskan undang-undang perpustakaan awam dan bertanggungjawab bagi perkhidmatan perpustakaan awam di peringkat negeri.

**Tuan V. Veerappen:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang perpustakaan awam dijalankan oleh Majlis-majlis Tempatan ataupun Local Authorities, bolehkah Menteri yang berkenaan beritahu Dewan ini apakah pertolongan Kerajaan Pusat kepada Majlis-majlis Tempatan untuk menjalankan perpustakaan awam ini.

**Datuk Ong Kee Hui:** Seperti kata saya tadi, Tuan Yang di-Pertua, hal perpustakaan ini tanggungjawab tiap-tiap Kerajaan Negeri, jika tiap-tiap Kerajaan Negeri ada meminta bantuan melalui Kementerian saya, boleh ditimbangkan.

**Tuan Goh Hock Guan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara pentadbiran perpustakaan negara, bolehkah Menteri memberitahu kita, kenapa di dalam Kuala Lumpur sampai sekarang tidak ada satu perpustakaan Kuala Lumpur ini ibukota Federal Capital, kenapa tidak ada national library sebagai sebuah negara yang maju, dan bila Kementerian boleh menubuhkan national library untuk rakyat di Kuala Lumpur?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya hairan Ahli Yang Berhormat itu menunjukkan dirinya tak sedar bahawa ada sudah didirikan sebuah Perpustakaan Negara di Ibukota ini dan juga ada sebuah Perpustakaan Negeri Selangor di Kuala Lumpur ini.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, bukan saya tidak sedar ada library, tetapi National Library yang ada ini sangat kecil. Oleh sebab itu, saya pun tidak tahu wujudnya dan rakyat pun tidak tahu, tetapi sebaliknya rakyat lebih kenal Lincoln Cultural Centre, atau British Council Library, tetapi National Library rakyat langsung tidak tahu. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah Ibukota Negara . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan berbalik-balik namanya.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bertanya, bilakah kita boleh dapat sebuah National Library yang cukup besar, cukup cantik untuk rakyat di Kuala Lumpur?

**Tuan Yang di-Pertua:** Serupa itu juga yang ditanya.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, Bangunan Perpustakaan Negara telah dirancang. Tidak lama lagi akan ditunjukkan kepada orang ramai.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri memberi jaminan untuk menubuhkan sebuah librari di Petaling Jaya, oleh kerana Petaling Jaya sekarang adalah Federal Territory yang ramai penduduknya, bolehkah Yang Berhormat Menteri menubuhkan sebuah Perpustakaan di Petaling Jaya?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu seorang Ahli Dewan Undangan Negeri, saya harap beliau mengesyorkan cadangan itu kepada Kerajaan Negeri Selangor.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya berkenaan dengan Perpustakaan Merdeka, Taiping, Perak, tak berapa lama dahulu di dalam Dewan ini Menteri ada mengatakan hendak memberi peruntukan duit kepada Perpustakaan itu, sampai sekarang duit itupun belum diterima, bilakah kita boleh terima duit itu?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tak ada buat perjanjian semacam itu.

**Tuan Goh Hock Guan:** Soalan tambahan. Sungguhpun Ahli Yang Berhormat dari Pantai dan saya berada dalam Dewan Undangan Negeri Selangor dan sungguhpun Menteri tadi mengesyorkan kepada kami supaya meminta Datuk Menteri Besar, Selangor menubuhkan library di Petaling Jaya, tetapi sebagai seorang Menteri yang bertanggungjawab berkenaan perpustakaan di seluruh negara ini, bolehkah Menteri itu menyuruh Kerajaan Negeri menubuhkan library bukan sahaja di Petaling Jaya tetapi juga di bandar-bandar seperti Kelang dan tiap-tiap tempat dalam negeri Selangor.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, seperti kata saya tadi, Kementerian saya sedang mengarahkan kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri supaya menubuhkan perpustakaan di bandar-bandar besar, tetapi Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan untuk perpustakaan yang terhad dan tidak dapat mendirikan di semua tempat seperti yang dikehendaki oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad Daud bin Abdul Samad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa soal perpustakaan ini adalah soal Negeri, adakah pihak Kerajaan Negeri Trengganu telah menubuhkan sebuah Perpustakaan Negeri dan telah meminta bantuan kepada Kementerian yang berkenaan dan sekiranya ada, berapa banyak telah diberi bantuan, dan sekiranya belum ada, apakah sesudah Kerajaan Negeri Trengganu menubuhkan Perpustakaan Negeri di Trengganu, sebarang permintaan yang menasabah akan diberi bantuan dan akan ditimbang?

**Datuk Ong Kee Hui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jikalau Kerajaan Negeri Trengganu ada berhubung dengan Kementerian saya tentang perkara ini, permohonannya akan ditimbang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 36 adalah diberi di bawah ini).*

#### PERPUSTAKAAN AWAM

**11. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada Menteriannya akan menubuhkan satu perpustakaan umum di Daerah Dindings untuk berkhidmat kepada penduduk-penduduk seramai 100,000 orang serta murid-murid kerana perpustakaan di sekolah-sekolah di sana tidak lengkap dan perpustakaan yang paling hampir di mana murid-murid boleh membuat kerja-kerja penyelidikan atau menambah pengetahuan mereka terletak di Ipoh, sejauh 40-50 batu; jika tidak samada beliau akan menimbang mengadakan sebuah perpustakaan kecil di Sitiawan.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Saya ingin menjelaskan bahawa tanggungjawab menubuhkan Perpustakaan Awam dalam tiap-tiap negeri di Malaysia terletak pada negeri itu sendiri mengikut "Incorporation (State Legislatures Competency) (Amendment) Order, 1968 iaitu P.U. 286/1968".

Kementerian saya bertanggungjawab secara langsung terhadap Perpustakaan Negara Malaysia dan melalui institusi ini kami memainkan peranan menggalakkan pembangunan Perpustakaan Awam. Keperluan untuk mengadakan perkhidmatan perpustakaan awam di Dinding atau di Sitiawan itu, ialah satu perkara untuk Kerajaan Negeri Perak memutuskan.

#### PERTANIAN— MENAMBAHKAN HASIL

**12. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan adakah beliau sedar bahawa petani-petani dalam usaha menambahkan hasil pertanian mereka memerlukan banyak baja dan baja-baja yang datang dari luar Negeri adalah terlalu mahal harganya. Jika sedar bilakah sebuah kilang baja kimia akan didirikan dalam negeri ini.

**Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Ia, saya sedar.

Di antara daya yang digalakkan kepada petani-petani untuk meninggikan hasil tanaman mereka ialah penggunaan baja yang baik dan mengikut peraturan bagi jenis tanaman yang diusahakan.

Dalam masa enam bulan kebelakangan ini bukan sahaja harga baja bagi tanaman padi tetapi juga baja bagi tanaman lain pun telah naik mengikut aliran harga baja pasaran dunia yang meningkat naik sehingga 20% dibandingkan dengan harga dahulu.

Kementerian saya akan memberi sokongannya bila-bila sahaja ada pengusaha-pengusaha yang sanggup menubuhkan kilang baja kimia di negeri ini. Satu bahan mentah untuk campuran baja kimia ialah gas amonia yang boleh didapati sebagai by-product dari penapisan minyak yang telah diusahakan di negeri ini.

Baja kimia yang lain-lain seperti phosphorus dan potash masih terpaksa diimport dari luar negeri oleh kerana bahan-bahan itu tiada didapati di negeri ini.

### TALIPON DI PETALING JAYA

**13. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Perhubungan samada beliau sedar bahawa talipon terutamanya di kawasan Petaling Jaya seringkali rosak dan segala aduan tidak dilayani dengan segera. Apakah yang telah terjadi kepada apa yang dinamakan "Flying Squad".

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Kementerian saya sedar bahawa baru-baru ini terutamanya pada bulan April dan Mei terdapat sering berlakunya kerosakan kepada perkhidmatan talipon di kawasan Petaling Jaya. Kerosakan-kerosakan ini ialah kerana kerja-kerja penggalian jalan yang telah menyebabkan kerosakan kepada kebel-kebel. Oleh kerana Petaling Jaya adalah bekas kawasan lombong dan mudah disambar petir, maka kejadian petir yang kerap berlaku daripada biasa pada bulan-bulan itu telah juga menyebabkan beberapa kerosakan kepada kebel. Di samping itu Jabatan Talikom telah juga menghadapi kecurian kebel di kawasan Batu Tiga yang menghubungi Kuala Lumpur dan Shah Alam. Pekerja-pekerja membaiki kerosakan di Petaling Jaya terpaksa dihantar ke situ bagi memasang kebel baru untuk memulihkan perhubungan dengan Shah Alam dengan segera. Pasukan pembaikan tambahan dari Ipoh dan Kuala Lumpur telah dihantar ke Petaling Jaya untuk membaiki kerosakan di kawasan itu. Ini mungkin menyebabkan kelewatan melayani aduan-aduan yang dibuat. Keadaan telahpun pulih seperti biasa.

Tujuan "Flying Squad" ialah untuk membaiki kerosakan ringan seperti kerosakan di alat talipon, pendawaian dalam rumah dan juga pada kawat-kawat di tiang. Kerosakan lain seperti kerosakan dalam kebel tertanam dan di ibu sawat hanya boleh diselenggarakan oleh unit yang berpengalaman khas dan Pasukan "Flying Squad" tidak dilengkapkan bagi membetulkan kerosakan yang rumit dan memerlukan teknik-teknik pengalaman khas.

### PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

**14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilakah skim keselamatan sosial akan dijalankan kepada kaum tani dan nelayan dan sehingga ini sudahkah apa-apa kajian dibuat untuk maksud itu.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Pertubuhan Keselamatan Social (PERKESO) pada masa ini sedang mengkaji perkara ini dengan bantuan dan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Perusahaan Perikanan. Kajian ini dijangka akan mengambil masa beberapa lama. Sehingga itu adalah sukar untuk dinyatakan bilakah skim keselamatan sosial akan dapat dipanjangkan kepada kaum tani dan nelayan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Skim Insuran Bencana Pekerjaan, majikan adalah dikehendaki membuat caruman bulanan kepada Pertubuhan. Apabila skim yang kedua iaitu Sekim Pencen Ilat dimulakan, kedua-dua belah pihak, majikan dan pekerja, dikehendaki mencarum kepada Tabung PERKESO. Masaalah besar yang dihadapi oleh Pertubuhan ini ialah hendak menetapkan siapakah yang patut mencarum bagi pihak kaum tani dan nelayan oleh kerana kebanyakan daripada mereka adalah bekerja sendiri.

### DOKTOR PAKAR

**15. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Kesihatan samada beliau sedar tentang kekurangan pakar-pakar dalam perkhidmatan Kerajaan, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menghantar lebih ramai lagi doktor-doktor muda untuk mendapatkan latihan pakar baik di dalam negeri mahupun di luar negeri.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Ya, saya sedar tentang kekurangan pakar-pakar dalam perkhidmatan Kerajaan, langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) Kementerian Kesihatan telah berusaha dan mengambil tindakan bagi mendapatkan doktor-doktor pakar dari luar negeri.

- (ii) Menghantar doktor-doktor melanjutkan pelajaran bagi kelulusan kepakaran.
- (iii) Mengadakan pelajaran tinggi tempatan. Pada masa ini ada seramai 17 orang mengambil Kursus kepakaran di seberang laut dan 4 di dalam negeri.

#### SYARIKAT JENGA Sdn. Bhd

**16. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan,

- (i) samada benar bahawa salah satu daripada firma cabang MARA iaitu Syarikat Jengka Sdn. Bhd, sedang mengalami kerugian;
- (ii) samada Syarikat Jengka Sdn. Bhd telah menamatkan dengan sendirinya perjanjian dengan sebuah konsortium asing yang berjanji membina dan memberi urusan dan teknik kepakaran bagi kompleks memproses balak di Jengka; jika ya, berikan butir-butir lanjut;
- (iii) samada Syarikat Jengka Sdn. Bhd, ada apa-apa hutang dengan syarikat tersebut di atas yang masih belum dijelaskan, jika ya, berikan butir-butir yang lanjut; dan
- (iv) semua tanggungan Syarikat Jengka Sdn. Bhd.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):**

- (i) Syarikat Jengka Sdn. Berhad adalah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat. Ia dipunyai bersama oleh MARA, Kerajaan Negeri Pahang dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Syarikat Jengka Sdn. Berhad telah mula mendapat keuntungan pada bulan Mei 1973.
- (ii) Betul. Pengurusan Jengka Sdn. Bhd mempunyai sebab-sebab tertentu menamatkan perjanjian pengurusan dengan pihak Cantrans. Penamatan seperti ini adalah menurut syarat-syarat perjanjian yang mana satu-satu pihak boleh berbuat demikian.
- (iii) Pihak Pengurusan Syarikat Jengka Sdn. Berhad telah menyatakan bahawa mereka tidak berhutang kepada Syarikat Cantrans.

- (iv) Perkara-perkara ini tidak dapat diumumkan, tetapi sesiapa yang hendak mengetahui bolehlah mendapatkannya daripada Pendaftaran Syarikat-syarikat.

#### PERPADUAN NEGARA DI SARAWAK

**17. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sejauh manakah Kementerian beliau telah bertindak untuk memupuk perpaduan negara di Sarawak.

**Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan):** Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak adalah menjadi ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara dan juga ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negara yang mengkaji beberapa aspek masaalah Perpaduan Negara. Dengan itu Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan adalah bekerjasama dengan rapatnya dalam usaha pembentukan rancangan-rancangan perpaduan negara di peringkat negeri.

Perpaduan Negara adalah tanggungjawab Kerajaan pada keseluruhannya dan bukanlah tanggungjawab Kementerian ini sahaja. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah bekerjasama menjalankan tanggungjawab ini. Usaha memupuk perpaduan negara di negeri Sarawak haruslah dilihat dari konteks yang sama.

Kementerian ini juga menjalankan Kelas Perpaduan Rakyat dengan kerjasama Kerajaan Sarawak dan bertujuan untuk memupuk Perpaduan Negara menerusi pengajaran Bahasa Malaysia dan civics kepada murid-murid kelas tersebut.

Pencapaian Perpaduan Negara adalah satu-satu faktor yang terpenting dalam Rancangan Malaysia Kedua, oleh itu adalah mustahak bahawa bukan sahaja Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dengan agensi-agensinya bahkan parti-parti politik dan orangramai harus juga bertanggungjawab bersama dalam usaha mencapai matlamat perpaduan negara.

#### KAJIAN MEMBUKA TANAH DI SARAWAK

**18. Tuan Luhut Wan** minta Menteri Kewangan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan kajian mengenai keupayaan

tanah yang akan dijalankan bagi Sarawak terutama di kawasan-kawasan bukit-bukau di Bahagian Keempat, Kelima dan Ketujuh, dengan tujuan membuka lebih banyak kemajuan tanah dan kawasan-kawasan penempatan dan menaburkan penduduk-penduduk dari kawasan-kawasan padat di Bahagian tanah rendah di pantai Sarawak.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Kerajaan Negeri Sarawak telah ada mengkaji keupayaan membuka tanah-tanah di kawasan-kawasan bukit-bukau di Bahagian Keempat, Kelima dan Ketujuh, tetapi pembukaan tanah di kawasan-kawasan itu tidak dilaksanakan disebabkan oleh kekurangan penduduk, kesukaran pengangkutan yang melibatkan kesukaran pasaran hasil daripada tanaman; juga keadaan rupabuminya tidak sesuai untuk pertanian secara besar-besaran. Selain daripada itu, perbelanjaan bagi mengadakan kemudahan-kemudahan di kawasan-kawasan itu amatlah besar dan oleh itu tidak wajar ditanggung. Walaubagaimanapun adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri Sarawak untuk membuka tanah-tanah di kawasan yang mempunyai kemudahan-kemudahan asas (infrastructure) seperti di kawasan Miri—Bintulu yang sekarang ini masih di dalam kajian. Kajian ini bermaksud mencapai pembangunan yang jujur bagi pertanian dan lain-lain pembinaan untuk mengadakan pekerjaan kepada rakyat dan juga menambatkan pendapatan kepada penduduk-penduduk di kawasan itu dan juga memberi peluang kepada penduduk di kawasan yang padat daripada Bahagian Pertama dan Kedua untuk berpindah ke tempat itu. Kajian keupayaan dilaksanakan juga bagi kawasan di Bahagian Kelima dan Kedua.

#### **BELIA MALAYSIA-CANADA— RANCANGAN PERTUKARAN**

**19. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah persediaan-persediaan yang telah disediakan oleh Kementerian ini kepada setiap orang peserta dalam Rancangan Pertukaran Belia-belie Malaysia-Canada dalam bentuk kewangan, pemikiran pelajaran, bakat, dll. yang boleh menggambarkan satu imej yang baik kaum belia Malaysia.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Sebelum bertolak ke Canada rombongan belia Malaysia ka Kanada telah diberi Kursus Orientasi selama dua minggu di Pusat Latihan Belia Negara di Pertak di mana ceramah-ceramah dan perbincangan dalam berbagai bidang seperti dasar kebudayaan, belia dan sukan, dasar perpaduan dan Rukunegara, ugama, dasar ekonomi baru, dasar luar, pelancungan dan sebagainya. Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan dari Jabatan-jabatan Kerajaan telah dijemput untuk memberi ceramah-ceramah berkenaan dengan perkara-perkara tersebut. Latihan kesenian juga diberi kepada mereka yang berbakat untuk memperkenalkan kesenian kita di Kanada.

#### **SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI SEBERANG PRAI**

**20. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) samada beliau sedar yang bilangan sekolah-sekolah menengah di Seberang Prai tidak cukup dan oleh yang demikian pelajar-pelajar sekolah terpaksa meninggalkan rumah-rumah mereka lebih awal lagi pada pukul 5.30 pagi supaya dapat berada di sekolah-sekolah sebelum sekolah bermula;
- (ii) mengapa Kementerian beliau telah membenarkan keadaan ini berlanjutan sebegitu lama; dan
- (iii) apakah tindakan yang Kementerian beliau sedang ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Bilangan sekolah-sekolah menengah di Seberang Prai adalah cukup. Soal penuntut-penuntut terpaksa meninggalkan rumah mereka lebih awal lagi pada pukul 5.30 pagi tidak ada hubungannya dengan cukup tak cukupnya bilangan sekolah-sekolah di satu-satu tempat itu. Oleh yang demikian soalan (ii) dan (iii) tidak timbul.

#### **PEKERJA DI SEKTOR AWAM/SWASTA**

**21. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (i) bilangan pekerja yang telah diwujudkan oleh sektor-sektor awam dan swasta dalam jangka masa di antara 1-1-1973

dan 30-6-1973, dengan memberi angka-angka yang berasingan bagi setiap sektor mengikut negeri-negeri di Malaysia; dan

- (ii) jumlah bilangan pekerjaan yang telah diwujudkan oleh kedua-dua sektor sejak Rancangan Malaysia kedua dilaksanakan, dengan memberi angka-angka hingga 30-6-1973.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Anggaran perincian mengenai pekerjaan-pekerjaan yang diwujudkan oleh sektor awam dan swasta sejak pelancaran Rancangan Malaysia Kedua adalah sedang diproses dan akan dikemukakan dalam kajian semula penggal pertengahan Rancangan (mid-term review). Walau bagaimanapun anggaran permulaan menunjukkan bahawa keseluruhan pekerjaan yang diwujudkan adalah hampir mencapai jumlah yang dianggarkan dalam Rancangan. Ini memandangkan perkembangan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi terutamanya dalam perusahaan pembuatan dan pembinaan yang mana mewujudkan banyak peluang-peluang pekerjaan. Sektor perkhidmatan juga terus berkembang dengan memuaskan selaras dengan keperluan-keperluan yang pesat di sektor awam dan swasta.

#### GAJI MINIMA— UNDANG-UNDANG

**22. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mengemukakan undang-undang supaya gaji buruh di kalangan swasta dinaikkan mengikut peratus yang ditentukan pada tiap-tiap tahun. Jika ya, bilakah akan dijalankan dan jika tidak, kenapa.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Soalan ini adalah kurang sama dengan soalan yang lebih dahulu daripada ini mengenai cadangan supaya dimulakan undang-undang bagi menetapkan gaji minima untuk semua gulungan pekerja-pekerja di negeri ini dan saya telah pun menyatakan dalam Dewan ini dahulu bahawa masanya belum tiba lagi untuk berbuat demikian dalam sebuah negara yang sedang membangun seperti negara kita ini.

Usaha-usaha kita hendaklah ditumpukan sepenuhnya bagi menyelesaikan masalah pengangguran dengan cara mewujudkan lebih

banyak peluang-peluang pekerjaan kepada orang-orang yang tidak mempunyai pekerjaan.

Dalam kebanyakan perjanjian-perjanjian hasil dari rundingan secara sukarela yang diadakan di antara majikan dan pekerja, pekerja-pekerja adalah mendapat kenaikan-kenaikan gaji tahunan walaupun tidak ada peruntukan undang-undang.

#### GURU-GURU BAHASA MALAYSIA

**23. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan,

- (i) samada beliau sedar bahawa terdapat banyak kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia dikebanyakan Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris) dan ini telah mengakibatkan tidak ada guru-guru untuk mengajar matapelajaran-matapelajaran Dalam Bahasa Malaysia meskipun penggal pertama telah tamat dan penggal kedua sudah bermula; dan
- (ii) berikan butir-butir yang lanjut mengenai kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia yang berkecukupan di sekolah-sekolah itu, dan apakah tindakan sedang diambil untuk memperbaiki masalah yang serius ini.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:**

- (i) Bilangan guru-guru Bahasa Malaysia adalah cukup mengikut kiraan dan kaedah penempatan guru-guru yang digunakan sekarang ini, tetapi tidak semua guru-guru ini terdiri dari kategori-kategori yang dikehendaki dari segi "ideal". Mengikut "ideal" guru-guru yang mengajar di Tingkatan I hingga III hendaklah dari mereka yang berkelulusan Maktab Perguruan dan di Tingkatan IV dan B dari mereka yang berijazah. Keadaan tidak "ideal" ini bukan sahaja terdapat bagi matapelajaran Bahasa Malaysia tetapi juga bagi matapelajaran-matapelajaran yang lain. Walaupun demikian, guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia sekarang ini mempunyai kebolehan untuk mengajar bahasa tersebut hingga ke peringkat yang membolehkan penuntut-penuntut lulus dalam peperiksaan.

- (ii) Sebagaimana saya nyatakan tadi, bilangan guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia adalah mencukupi bagi membolehkan bahasa itu diajar hingga ke peringkat yang membolehkan penun-ut-penuntut lulus dalam peperiksaan. Tetapi dari segi "ideal", kekurangan guru-guru lulusan Maktab ialah sebanyak 279 dan guru-guru berijazah sebanyak 511. Langkah-langkah yang sedang dan akan diambil ialah meneruskan lagi latihan-latihan di Maktab-maktab Perguruan dan Universiti-universiti.

### WABAK TAUN LARUT/MATANG

24. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa dalam tahun 1972, daerah-daerah Larut dan Matang telah diserangi oleh kuman-kuman penyakit taun dan punca wabak ini tidak dapat diketahui. Saya telah diberitahu bahawa bekalan air Taiping untuk daerah-daerah Larut dan Matang telah dipenuhi oleh kuman-kuman taun dan perkara ini telah dijumpai dalam pemeriksaan biasa atas bekalan air; jika ya, sila nyatakan:

- (a) pihak berkuasa manakah yang menganalisis contoh air itu;
- (b) samada tempat serangan kuman-kuman itu adalah di lubang alir keluar yang pertama air itu;
- (c) jenis kuman-kuman taun yang dijumpai;
- (d) samada bekalan air seluruh daerah-daerah Larut dan Matang itu diserangi oleh kuman-kuman taun;
- (e) jenis dan banyaknya bahan kimia yang digunakan untuk membunuh kuman-kuman taun dalam kolam air Taiping;
- (f) samada benar atau tidak bahawa masa wabak taun itu berlaku; bekalan bahan kimia bagi jangka setengah tahun untuk digunakan dalam kolam air telah dicuri dan selama satu tempoh, air dalam kolam air Taiping telah dibiarkan dan tidak dicampuri bahan kimia supaya sesuai untuk penggunaan orangramai; dan
- (g) memandangkan kepada bukti-bukti baru, samada Kerajaan akan memeriksa semula bahawa wabak taun 1972 di Larut dan Matang adalah disebabkan oleh kuman-kuman taun dalam kolam air Taiping.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Daerah Larut dan Matang telah terlibat dalam wabak taun daripada 10hb Mei hingga 8hb Ogos, 1972. Pada masa ini 15 kes dan 15 pembawa penyakit telah disahkan, dan wabak ini berlaku oleh kerana air-air perigi telah mengandungi kuman-kuman yang berkenaan. Kami tiada bukti langsung mengatakan yang air paip telah mengakibatkan wabak ini. Jikalau kejadian ini berlaku bersabit dengan sebab-sebab yang di atas tentu wabak ini akan melibatkan jumlah yang lebih besar:

- (a) Pihak Pusat Penyelidikan Perubatan yang menganalisa contoh air itu.
- (b) Tidak.
- (c) Jenis kuman-kuman taun yang dijumpai dari pesakit yang membawa kuman *Vibrio eltor*.
- (d) Tidak.
- (e) dan (f) Berkenaan dengan bahan-bahan kimia yang digunakan di Kolam Air Taiping dan kecurian bahan kimia itu, soalan ini patut dikemukakan kepada pihak J.K.R.
- (g) Tidak.

### JABATAN PESAKIT LUAR

25. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah orangramai bersesak-sesak di jabatan rawatan pesakit-pesakit luar (O.P.D.) dan juga untuk mengatasi masalah menunggu giliran di jabatan rawatan pesakit-pesakit luar.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Adalah perkara lazim bagi pesakit-pesakit di tiap-tiap jabatan rawatan pesakit luar yang sibuk menunggu gilirannya dipanggil dan ini samalah juga seperti pesakit-pesakit yang terpaksa menunggu giliran di kelinik-kelinik doktor private yang sibuk.

Kementerian saya sedang menjalankan satu rancangan pesat dari semenjak tahun 1961 untuk membaiki dan membaharui jabatan-jabatan pesakit-pesakit luar yang ada sekarang serta juga mengadakan jabatan-jabatan pesakit luar yang baharu dan kelinik-kelinik. Wang sejumlah \$4,278 juta telah dibelanjakan atas rancangan ini sehingga ke tahun 1972. Bagi tahun 1973 sehingga ke akhir Rancangan Malaysia

Kedua, rancangan itu akan dibesarkan lagi dan wang sejumlah \$19.74 juta akan dibelanjakan.

### LESEN TEKSI

**26. Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (i) syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki bagi seorang pemohon lesen teksi;
- (ii) samada beliau sedar bahawa seorang pemegang lesen teksi bagi sebuah teksi yang bertempat di Butterworth tidak mempunyai lesen pemandu dan jika ya, nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh beliau terhadap orang ini; dan
- (iii) sebab-sebab keengganan beliau menarik balik lesen orang ini.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:**

- (i) syarat-syarat yang pemohon-pemohon hendak memenuhi sebelum permohonan-permohonan mereka ditimbangkan ialah:
  - (a) pemohon-pemohon mestilah diam di pengkalan dan mempunyai lesen Pemandu serta Lesen Pemandu Kenderaan Perkhidmatan Awam (P.S.V. Driving Licence).
  - (b) Keutamaan akan diberi kepada:
    1. Permohonan-permohonan daripada bekas anggota pasukan tentera atau pasukan keselamatan yang sesungguhnya bekerja sebagai pemandu teksi atau kereta sewa dan yang diam di pengkalan.
    2. Permohonan-permohonan daripada pemandu teksi atau kereta sewa yang diam di pengkalan; dan juga
    3. Permohonan beramai-ramai atau bersyarikat.
- (ii) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan tidak ada mengeluarkan lesen-lesen teksi di Butterworth kepada pemohon yang tidak mempunyai lesen derebar.
- (iii) Soalan ini tidak timbul memandangkan kepada perkara di atas.

### LAPURAN TAHUNAN MARA

**27. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar samada MARA pernah menerbitkan laporan tahunannya serta dengan kenyataan kewangan sejak penubuhannya, dan jika tidak, mengapa.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Ya. MARA pernah menerbitkan laporan tahunannya serta dengan kenyataan kewangan sejak penubuhannya.

### P. RAMLEE—PANGGUNG ANNIVERSARY

**28. Dr A. Soorian** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau sedar bahawa seorang pembaca yang menggelarkan dirinya "SI KAWAN YANG ADIL" mengesyorkan supaya nama "Panggung Anniversary" di Taman Bunga Kuala Lumpur ditukar kepada "Panggung P. Ramlee", dan jika ya, adakah beliau akan menimbangkan perkara ini.

**Datuk Ong Kee Hui:** Saya sedar akan cadangan ini. Sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah ditubuhkan untuk mengkaji dan menilai sumbangan yang dibuat oleh Allahyarham P. Ramlee kepada negara. Sebarang cadangan yang dibuat oleh pihak awam akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini, dan apa-apa syor dan sokongan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa ini yang berkaitan dengan Kementerian saya, akan mendapat perhatian dan pertimbangan kami. Saya menyeru Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangannya kepada Jawatankuasa tersebut.

### BURUH KONTREK DI LADANG-LADANG

**29. Dr A. Soorian** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menerangkan:

- (a) dengan jelasnya apa yang dimaksudkan dengan istilah "Buruh Kontrek di ladang-ladang"; dan
- (b) memandangkan bahawa pekerja-pekerja ladang tidak termasuk dalam gulungan rakyat dari kawasan luar bandar atau dalam bandar, samada Kerajaan akan mengadakan sebuah Kementerian baru untuk menjaga hal-hal mereka.

**Tan Sri V. Manickavasagam:**

- (a) Istilah tersebut tidak digunakan di Kementerian saya dan tidak terdapat dalam mana-mana undang-undang buruh. Walaubagaimanapun ada orang yang menggunakannya untuk maksud pekerja-pekerja yang digajikan oleh Kontraktor di sesebuah ladang.
- (b) Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat adalah mengambil perhatian akan semua pekerja-pekerja walau di mana saja di negeri ini. Persoalan bagi menubuhkan sebuah Kementerian baru untuk menjaga halehwal pekerja-pekerja ladang saja adalah tidak timbul.

**PEPERIKSAAN M.C.E./S.P.M.—  
SISTEM**

**30. Tuan V. Veerappen** bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah beliau akan menimbang menghapuskan peperiksaan M.C.E. dan S.P.M. dan mengadakan peperiksaan jenis G.C.E.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Kementerian Pelajaran bercadang hendak mengkaji sistem peperiksaan yang ada sekarang ini.

**KESATUAN SEKERJA**

**31. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan menimbang menubuhkan satu jabatan khas di Kementerian beliau untuk membantu pekerja-pekerja yang tidak berkesatuan di negara ini supaya mereka dapat menubuhkan kesatuan sekerja masing-masing, jika tidak, mengapa.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Kesatuan-kesatuan sekerja adalah badan-badan sukarela dan terpulanglah kepada sesuatu golongan pekerja-pekerja itu sendiri untuk mengambil daya utama mereka untuk menubuhkan kesatuan mereka jika mereka mahu dengan syarat mereka hendaklah bertindak mengikut peruntukan-peruntukan Ordinan Kesatuan Sekerja, 1957. Pegawai-pegawai dari Kementerian saya akan sentiasa memberi apa-apa pertolongan bagi mencapai tujuan ini.

Oleh itu adalah tidak perlu untuk menubuhkan satu jabatan khas di Kementerian saya bagi maksud seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**IKLAN ROKOK—PENGHARAMAN**

**32. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kesihatan menyatakan keputusan kajian Kerajaan mengenai soal pengharaman iklan-iklan rokok dan nyatakan niat Kerajaan atas perkara ini.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Kementerian saya telah mengkaji masalah merokok dan kesihatan dengan telitinya dan telahpun membuat beberapa cadangan untuk mengurangkan rokok dan menggalakkan orang-orang muda jangan mengamalkan tabiat merokok. Satu daripada cadangan-cadangan itu ialah pengharaman iklan yang berhubung dengan merokok dan cadangan ini sekarang sedang ditimbang oleh Kerajaan. Kementerian saya sekarang ini bercadang untuk melancarkan satu kempen anti merokok tidak lama lagi untuk mendidik pemuda-pemuda dan masyarakat umum berkenaan bahaya daripada merokok dan kesannya terhadap kesihatan. Kementerian saya juga telah mengeluarkan arahan-arahan kepada semua hospital-hospital Kerajaan dan pusat kesihatan melekatkan papan-papan tanda "Dilarang Merokok" di semua jabatan-jabatan pesakit luar sebagai satu langkah tambahan di dalam kempen menentang merokok.

**BERAS—KEKURANGAN**

**33. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada menjadi tujuan Kerajaan untuk mencapai taraf pengeluaran beras yang cukup untuk kegunaan sendiri dan samada rancangan-rancangan besar Muda dan Kemubu boleh menolong mencapai tujuan ini.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Memandangkan kekurangan beras di dunia sekarang ini yang akan barangkali bersambungan untuk beberapa tahun akan datang, maka Kerajaan sedang menimbangkan penyemakan semula dasar pengeluaran beras sebanyak 90% daripada keperluan negeri sepenuhnya sendiri.

Apabila rancangan kemajuan pertanian di Kawasan-kawasan Muda, Kemubu dan Besut telah diusahakan dengan tanaman padi dua kali setahun sepenuhnya di samping tanaman padi di kawasan-kawasan lain tidak ada sebabnya mengapa Semenanjung Malaysia tidak boleh mencapai taraf pengeluaran beras bagi keperluannya sendiri yang cukup.

Pengeluaran padi dalam tahun 1972 di Kawasan Muda merupakan sebanyak 251,477,000 gantang dan di Kawasan Kemubu sebanyak 72,556,000 gantang. Pengeluaran dari dua kawasan ini ialah lebih kurang sebanyak 52% dari pengeluaran seluruh Semenanjung Malaysia.

### DOKTOR PERUBATAN ASING

**34. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa bilangan doktor-doktor asing yang berkhidmat dalam negeri ini pada masa sekarang dan adakah doktor-doktor asing atau doktor-doktor yang bukan warganegara yang menjalankan perniagaan sendiri pada masa sekarang dalam negeri ini.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Bilangan doktor-doktor perubatan asing yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia pada masa ini ialah 251 orang, terbahagi seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Kontrek</i>	<i>Semen- tara</i>	<i>Jumlah</i>
Burma ...	11	3	14
Canada ...	—	1	1
Filipina ...	—	1	1
Indonesia ...	21	15	36
Hongkong ...	—	1	1
India ...	8	85	93
Korea ...	9	2	11
Pakistan ...	22	6	28
Republik Arab Mesir ...	46	—	46
Singapura ...	—	2	2
Scotland ...	—	1	1
Sri Lanka ...	3	13	16
Thailand ...	—	1	1
Jumlah Besar ...	120	131	251

Pada masa ini masih terdapat doktor-doktor bukan Warganegara yang menjalankan perniagaan sendiri di Malaysia. Bilangan mereka ini adalah kecil dan mereka-mereka ini terdiri dari orang-orang yang telah mendapat taraf tinggal tetap (permanent stay) di Malaysia.

### RANCANGAN PERUMAHAN DI JALAN STEVENS, TAIPING

**35. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa sekeping tanah negeri di Jalan Stevens, Kampung Boyan, Taiping telah diberikan kepada seorang pemaju Cina untuk satu rancangan perumahan; jika ya, sila nyatakan:

- nama dan nombor kad pengenalan pemaju Cina itu;
- keluasan ekar tanah negeri yang telah diberikan kepada pemaju itu;
- bilangan rumah yang telah didirikan atas tanah tersebut dan jumlah perbelanjaan pembinaannya;
- sebab-sebabnya jalan yang telah dibina di kawasan perumahan ini hanya mempunyai satu lapisan tar dan batu kelikir yang tebal dua inci sahaja dan tidak mempunyai asas jalan yang ditentukan;
- kenapa jurutera-jurutera yang berkenaan tidak menghiraukan langsung tentang rendahnya mutu bahan-bahan yang digunakan dalam rancangan perumahan itu;
- kenapakah permintaan mendapat tanah untuk mendirikan rumah di kawasan tersebut oleh orang-orang yang tidak bertanah ditolak; dan
- nama-nama sepuluh (10) orang yang memohon dan mendapat tanah untuk mendirikan rumah dalam satu kawasan yang sama dengan sipemaju itu.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Rancangan perumahan di Jalan Stevens, Kampung Boyan, Taiping itu ialah suatu rancangan perumahan private yang dijalankan oleh sebuah syarikat pemaju Cina bernama Syarikat Sening Sendirian Berhad, Rancangan tersebut bukanlah rancangan Kerajaan Federal.

Saya dukacita tidak dapat memberikan jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan dari (a) hingga (g) yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana pihak berkuasa (authority) yang berkenaan dengan pengeluaran tanah rancangan tersebut ialah Kerajaan Negeri Perak dan dengan demikian perkara-perkara berkenaan dengan tanah itu adalah di luar bidang-kuasa Kementerian saya. Demikian juga perkara berkenaan

dengan pembinaan rumah-rumah dan jalan-jalan di rancangan itu adalah di luar bidangkuasa Kementerian saya. Perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Majlis Bandaran Taiping yang tertakluk di bawah tadbiran Kerajaan Negeri Perak. Dengan hal yang demikian saya syorkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan pertanyaan-pertanyaan (a)-(g) itu kepada pihak Kerajaan Negeri Perak.

### JAMINAN BEKAS MENTERI

**36. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau akan menunaikan segala janji dan jaminan yang telah dibuat oleh bekas Menteri; jika ya, nyatakan bagaimanakah ia akan dapat berbuat demikian.

**Menteri Tugas-tugas Khas (Tuan Lee San Choon):** Jika ada rekod di atas janji dan jaminan yang telah dibuat olehnya di Pejabat saya dan janji atau jaminan itu menasabah saya akan tunaikan.

Inilah harapan saya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mencontohi agaknya, Ahli Yang Berhormat daripada Batu supaya tindakan-tindakan yang sewajarnya dapat dilakukan oleh pihak yang berkenaan dan dapat dijalankan penyiasatan yang teliti dan mendalam terhadap kepada sebarang orang yang dengan perbuatannya dan tindak-tanduknya boleh merusakkan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu penyakit sesuatu bangsa atau negara ialah corruption. Sesebuah negara yang hendak runtuh, maka ulat yang pertama atau kuman yang pertama yang akan meruntuhkan negara atau bangsa itu ialah corruption. Dan saya berasa puashati dalam negeri kita ini Kerajaan telah mempunyai berbagai-bagai cara, berbagai-bagai usaha, atau berbagai-bagai ubat untuk hendak membunuh kuman yang membinasakan negara dan bangsa ini. Dan saya fikir, usaha Kerajaan dalam perkara ini patut mendapat sanjungan dan pujian daripada orang-orang yang berakal dan waras fikirannya.

Satu lagi yang menjadikan saya sedikit bingong dan harian mendengar ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi menuduh berbagai-bagai kecurangan di dalam negeri. Dalam pada itu pula menuduh Kerajaan akan menyalahgunakan (abuse) undang-undang ini. Saya fikir mengambil kesimpulan siang-siang menuduh Kerajaan akan abuse undang-undang ini satu cara yang tidak patut dan tidak adil.

Biarlah Rang Undang-undang ini lulus dan disokong dengan sepenoh-penohnya dengan tidak berbelah bagi, dengan tidak menunjukkan sebarang keraguan bahawa Undang-undang ini tidak akan dijalankan dengan sempurna. Kadang-kadang kita bingong

melihatkan telatah pihak Pembangkang berkenaan dengan Rang Undang-undang ini, dan memang telah menjadi kebiasaan di dalam Dewan ini sungguhpun kita telah berbelas tahun duduk dalam Dewan ini masih banyak lagi di antara kita yang belum belajar lagi, belum dapat mengambil pelajaran dan pengalaman dalam Dewan atau di luar Dewan ini.

Tiap-tiap satu perkara itu, memang boleh disalahgunakan, bukan undang-undang ini sahaja, apa sahaja boleh disalahgunakan, tetapi perkara ini tidaklah patut didahulukan daripada sekarang, biar kita letakkan segala kepercayaan kita kepada Kerajaan untuk menjalankan undang-undang ini bila diluluskan kelak. Itu yang patut didesak, bukan menimbulkan syak, bukan menimbulkan ragu, bukan menimbulkan syak-wasangka di kalangan orang ramai bahawa Kerajaan akan menyalahgunakan Rang Undang-undang ini apabila dia telah menjadi undang-undang kelak. Saya fikir cara yang seumpama ini adalah cara orang yang tidak bertanggungjawab, cara orang hendak memancing di air yang keroh, hendak mencari publicity murah di luar Dewan ini. Oleh sebab itu soal Watergate dan lain-lain telah dibangkitkan di dalam Dewan ini.

Berbalik kepada soal pegawai yang akan dilantik ataupun Pengarah yang akan dilantik untuk mengetuai Biro ini, ada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini menyatakan bahawa orang yang hendak dilantik itu hendaklah dibayar, hendaklah diletakkan di peringkat yang tinggi sekali dari segi bayarannya dan pendapatannya. Pada saya, soal wang ini tidak menjadi masalah. Yang menjadi masalah, akhlak, integrity, orang yang hendak dilantik untuk memegang jawatan ini, kerana memang menjadi tabiat semula jadi manusia dia tidak pernah puas. Makin banyak wangnya, makin banyak kehendak dan kemahuannya. Telah menjadi tabiat semula jadi manusia dalam makan minum iaitu makin sedap kita makan, makin haluba kita hendak makan yang lebih sedap. Begitu juga orang yang beristeri, makin cantik isterinya, makin banyak dia mahu beristeri yang lebih daripada apa yang ditangannya. Ini tabiat semula jadi manusia. Begitu juga orang yang ada wang ringgit. Yang menjadi soal di dalam perkara ini bukan pendapatan atau gaji yang hendak dibayar kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, tetapi hendaklah pilihan itu dilakukan ke atas orang-orang yang betul-betul mempunyai integrity

yang paling tinggi, yang tidak boleh dibeli dengan wang, yang tidak boleh dibeli dengan apa juga godaan yang datang kepadanya. Ini yang patut dipersoalkan. Kalau kita perhatikan kejadian-kejadian buruk, jenayah dan kecurangan banyak berlaku di kalangan orang-orang yang mewah bukan di kalangan orang-orang bawahan dan miskin.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi hendak menjadikan pegawai yang memegang tampuk Biro ini supaya kekal atau lama, saya fikir itu tidaklah patut dipersoalkan, kerana semakin dia tahu yang dia akan duduk lama di situ tidak boleh diganggu-gugat boleh merosakkan sikapnya kepada tanggungjawab sebagai Ketua Biro itu.

**Tuan Hashim bin Gera (Parit):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dengan cara ringkas di dalam Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara yang sedang kita perbincangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Biro yang baru ditubuhkan ini, saya berharap bagi pihak Kerajaan bukanlah mengubah pada nama pejabatnya sahaja, tetapi mengubah kepada segala sikapnya:

Yang dahulu dinamakan Pejabat Pencegah Rasuah,

Selalu tertangkap orang di bawah,

Orang di atas dibiarkan mewah,

Pokoknya rimbun lebat berbuah.

Tetapi, hari ini jika mendapat kelulusan daripada Dewan ini, maka namanya akan diubah, ubahlah sikapnya.

Namanya Biro Siasatan Negara,

Boleh bertindak dengan segera,

Dalam Mahkamah dibawa bicara,

Didapati salah tahan di penjara.

Bukan maksudnya Biro yang ada ini menjalankan tugas-tugasnya pilih kasih, dipengaruhi oleh parti-parti politik atau memandang kepada kaum keluarga. Jika dapatlah sikap itu dijalankan dengan sebaik-baiknya, maka saya percaya negara ini akan aman daripada rasuah.

Rasuah, sebagai kata saudara saya tadi daripada Johor Tenggara adalah satu jenis kuman yang hendak membinasakan negara, sebelum lagi kuman-kuman pekong itu lebih

besar dialah yang dahulu merebak. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan kepada Kerajaan Biro Siasatan Negara ini hendaklah satu badan yang bebas, yang tidak dipengaruhi oleh sesiapa, oleh badan-badan politik, melainkan dia adalah bertanggungjawab kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Mereka yang dipilih ini biarlah orang yang jujur, orang yang benar-benar cinta diperhatikan kepada negara, kepada rakyat dan kepada keamanan keseluruhannya. Jika kita dapati seboleh-bolehnya carilah orang yang bekerja di Biro ini selain daripada mempunyai akhlak yang baik, orang yang beriman kepada Tuhan, walaupun dia orang Islam, walaupun dia orang Buddha, walaupun dia orang Christian, dia patuh kepada Tuhan, patuh kepada Rukunegara, dia tidak mudah dipengaruhi oleh sesiapa juga yang hendak memberi dia rasuah, kerana rasuah ada tiga salurannya:

(i) Wang, Tuhan bukan kamu semua hendak boleh jadi, boleh melemahkan semangat dan iman sesaorang;

(ii) Perempuan, gadis-gadis jelita yang cantik boleh melemahkan semangat seseorang kaum lelaki yang memegang kuasa;

(iii) Kebendaan yang diberi seperti Mercedes, rumah batu berharga \$30,000 boleh mempengaruhinya;

(iv) Saham terpijak boleh juga mempengaruhi.

Jadi, jika ada orang-orang yang kita berikan tugas Biro Siasatan Negara ini orang yang beriman, orang yang berakhlak, orang yang cinta kepada keamanan dan keseluruhan rakyat dan cinta kepada negara, taat kepada Rukunegara, insya Allah percayalah tidak akan dapat dipengaruhi oleh rasuah aman damai negara kita tidak sebagaimana negara yang kita dengar ada rasuah.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Adakah istilah itu termasuk Ahli Yang Berhormat itu?

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, saya adakah rasuah. Saya tidak memegang kuasa, orang tidak hendak beri rasuah kepada saya, cuma kalau orang beri saya berjoget, saya hendaklah (*Ketawa*). Saya tentang itu, saya ikhlas benar-benar.

Inilah harapan saya kepada Biro yang hendak ditubuhkan ini Kerajaan mengambil perhatian supaya dapatlah kita dengan jalan rukun, aman dan damai. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Pendekkan ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Baik, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara. Saya cuma hendak menegur Kementerian ini kerana perkataan rasuah itu dibuang, padahal perkataan itu telah mesra dengan semua rakyat dan perkataan itu sangat berkesan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Buang dari mana?

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tidak disebut Biro Siasatan Rasuah Negara, perkataan rasuah itu dibuangkan, padahal undang-undangnya menggunakan Akta Rasuah Negara.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tidak dibuang. Fasal 3 itu ada lagi, baca baik-baik.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Dalam sebutan rakyat mengatakan bahawa "rasuah" itu sudah tak ada berjalan lagi. Itu pada anggapan rakyat dengan sebab sebutan "rasuah" itu tak ada. Itu menurut hemat saya. Tuan Yang di-Pertua. Badan Pencegah Rasuah yang dahulu itu sedikit sebanyak tidak dinafikan telah membuat perkhidmatan dengan baik untuk kepentingan negara, tetapi ada beberapa kelemahan, beberapa kelonggaran atau kekurangan yang diperolehi dalam Undang-undang yang lalu itu. Oleh sebab itu, dengan adanya Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, saya mengharapkan satu masa Rang Undang-undang ini akan berkesan membasmi rasuah yang bermaharajalela yang dikatakan oleh Parti Pembangkang dalam negara ini, akan dapat dikurangkan atau dihapuskan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penyusunan kakitangan dalam Jabatan ini, saya mengharapkan iaitu sebuah badan yang kakitangannya bersendirian dan dapat menunaikan kewajipan dengan lebih berkesan lagi. Saya tidak hendak menyentuh banyak dalam masaalah ini, sebab telah disentuh oleh sahabat-sahabat saya tadi. Menurut hemat saya Biro ini patut diberikan tugas dan perhatian kepada empat golongan yang saya hendak sebutkan:

- (i) Jabatan-jabatan Kerajaan dari se-rendah-rendah Jabatan sehingga setinggi-tingginya.
- (ii) Badan-badan Berkanun atau Separuh Kerajaan.
- (iii) Pihak swasta yang menjalankan perusahaan dan perindustrian.
- (iv) Kontrektor ataupun pemborong yang ada kaitan dengan projek-projek Kerajaan.

Saya nampak kalau diperhatikan ke empat-empat golongan itu, insya Allah bahawa penghasilan kemewahan negara ini akan tidak disalahgunakan oleh golongan-golongan yang tertentu.

Dalam masaalah menjalankan tugas-tugasnya Biro ini saya mengharapkan supaya Kerajaan memberikan pegawai-pegawai yang cukup dengan alat-alat kemudahan yang dikehendaki oleh Biro ini, kalau kita hendak menengok Biro ini berjalan dengan licin dan sempurna. Tugas yang hendak dilaksanakan oleh Biro ini, saya mengharapkan jangan pandang bulu ambil tindakan, samada anak bilis atau jerung. Sebab pada masa dahulu, banyak jerung-jerung terlepas, tetapi dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya mengharapkan jerung-jerung itu tidak akan terlepas daripada tindakan yang akan dijalankan oleh Rang Undang-undang yang kita hendak luluskan ini. Dan saya mengharapkan juga ketiga-tiga Biro ini menjalankan tugasnya jangan ada nasihat, jangan ada bisikan—dengan ada nasihat atau bisikan atau campurtangan sesuatu pihak, maka Biro ini tak dapat kita menengok dia menjalankan kerjanya dengan bebas dan licin. Kepada orang ramai pula, saya minta memberikan kerjasama kepada Biro ini serta diberikan kaedah yang berkesan supaya dapat menentukan seseorang itu telah melakukan kecurangannya dalam masaalah yang dikatakan rasuah itu dan dapat mereka itu berbangga

dengan usahanya yang telah membantu Kerajaan dan kepada rakyat itu juga sayugia diberikan sedikit sebanyak saguhati.

Kepada mereka yang telah sabit hukumannya berhubung dengan rasuah ini, Tuan Yang di-Pertua saya mengharapkan dikenakan dengan hukuman yang seberat-beratnya dan harta-harta yang terlibat dalam kesalahan itu, saya harap Kerajaan akan menjadikan hak Perbendaharaan negara kita. Oleh itu saya nampak, kiranya Biro ini kita berikan kebebasan bertindak dan dibebaskan pengaruh-pengaruh yang telah saya katakan, insya Allah saya percaya bahawa di Malaysia ini salah sebuah negara di Tenggara Asia yang terbaik membasmi masalah rasuah.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap sedikit di bawah Rang Undang-undang Akta Biro Siasatan Negara dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

*(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, Clause 3 (1) of this Bill states, "For the purpose of this Act, the Prevention of Corruption Act, 1961 and any prescribed law that is hereby established the Biro Siasatan Negara (or in English the National Bureau of Investigation)". Mr Speaker, Sir, I take it to mean that this Act here has its purpose not only in the prevention of corruption or the eradication of corruption or in common terms bribery or accepting bribes or money, but also to prevent corruption in other aspects of society. In other words, Mr Speaker, Sir, I think that this Bureau will be the basis on which the Government here intends to set-up an anti-crime organization to be as efficient, as capable and as effective as the Federal Bureau of Investigation of America and that it is concerned not only with the prevention of corruption or bribery but also in the prevention of all crimes and corruption on the society of the country in general. Therefore, I would like to touch on a few points which have not been touched upon by the other Honourable Members of this House.

Mr Speaker, Sir, I think that this organization, if set up properly, will have great potential because, while it is true that we have a Police Force and Judiciary to help maintain law and order in this country, it is also true that the rate of crime in this country has gone up by leaps and bounds especially in the past few years and that the people who

commit crimes are not just ordinary house-breakers or thieves but are people who are probably well-trained and armed with all the sophisticated methods that modern crime can afford them. In fact, I have been reliably informed that there is an organization in this country or in neighbouring countries which teaches persons who want to commit crimes for profit on the latest methods of robbery, burglary, drug-trafficking and what-nots. Therefore, the N.B.I., if it is properly set-up with that purpose, can, I hope, help to eradicate or bring down the rate of crimes, bring down drug-trafficking and bring down any other organization which attempts to corrupt the morals of our youths and also which attempts to corrupt the discipline and integrity of this country. But in order to counter the sophistication of the modern robber or murderer, it is important that this organization should also adopt scientific methods, the latest methods to discover crimes. To counter crimes it is important also to enlist officials of the highest calibre—not only must they be incorruptible themselves but they also must be suitably qualified. For the benefit of this House, I am sure most people know that recruits to the F.B.I. in America must possess at the minimum a qualification in legal matters. He must be a man of laws and letters or he must be a qualified accountant because, the modern crime operator is not one that goes out to bang up a chap and takes a few dollars from a man-in-the-street. He is a man who works behind a well-covered front, a man who has probably got an organisation, a shop front, a business organisation in front of him and from there he sets up his crime ring. Therefore it is not easy for ordinary police officers or constables to detect such types of crimes unless they are armed to detect the new methods employed by these people. Therefore, I urge the Government also to consider enlisting better qualified personnel into its service, people armed with law degrees or accountancy degrees or any other degree so that they are able to investigate properly.

In fact, I would like to inform this House that it is quite common for murders to be committed easily without the knowledge of the Police. Many an old man or a person without relations has died and the cause of death is written down "as old age or sakit demam" because there is a big flaw in the administration of our country where any police constable

can sign a death certificate. Mr Speaker, Sir, signing a death certificate is no light matter and if a person comes up, say a sophisticated crime operator comes up and says, "Well this man has died from old age or sakit demam or some diseases like that", the police officer in all innocence agrees that the deceased has died from old age. But in fact, this man might have been intentionally suffocated. Therefore, Mr Speaker, Sir, the question of signing a death certificate must, I think, be given to the hands of a more responsible person and that is a qualified medical man who when told the death of a person would make proper questioning and investigation and if he is not sure of the cause of the death a post mortem would be done to ensure that there is no foul play. Unless this is done, I think crime would go undetected and many innocent men may be murdered purely for profit, say through an insurance scheme or something like that.

My last point, Mr Speaker, Sir, and that is the question of employment of local talents. I wish here to reiterate the importance of encouraging our own local people to join up the Police Forces not only as police constables but also in the other more challenging aspects of crime investigation; and probably here if the Government were to give our youths especially our unemployed youths, people with H.S.C. certificates, people with degrees, give them more opportunities, open the doors of the Police Department, open the doors of this National Bureau of Investigation, I think we can employ our local people of high talents to help our country maintain law and order. At the same time, I hope the Government would also ensure that there would be sufficient high posts for our youths who have proved themselves in their jobs so that they themselves will be satisfied in the job and not be unhappy.

I am told, Mr Speaker, Sir, that in the Income Tax Department quite a number of its staff are frustrated because there are very few openings for them and while it is true that the employment of expatriate officers to investigate income tax evasion has helped the Department to rake in a lot of income tax, on the other hand, local people are just as good if not better than expatriate officers. But while the local officers only get about \$1,000 or so in remuneration, I am told that expatriates get \$3,000 or more and it has been proved over the past few years that the local

officers are just as good if not better. In fact, they have taken in more income tax over the past years largely due to the efforts of a few local people who are sufficiently trained and experienced. Experienced because they are local people, they know local customs; and experienced also because they know the habits, they know how people operate in this country. Therefore, I would urge the Government to pay more attention to the talents which local people possess and not be enamoured of the so-called expertise of foreign expatriates.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini dengan secara yang membina. Kepada mereka yang tidak membahaskan secara yang membina, maka sudah jelaslah saya tidak memberikan ucapan terima kasih kepada mereka itu, sebab pada hakikatnya ucapan mereka itu tidak memberikan sumbangan yang membina kepada pembinaan negara kita dan kepada perbahasan kita pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah di dalam sesebuah negeri itu adalah terletak kepada seluruh sistem di dalam negeri itu, sistem pentadbirannya, sistem Kerajaannya, sistem Undang-undangnya dan juga terletak pada dedikasi pemimpin-pemimpin, pemimpin-pemimpin Kerajaan dan juga rakyatnya. Tentang badan-badan yang hendak mencegah rasuah ini, kalau sekiranya perkara-perkara yang lain ini memungkinkan adanya rasuah, maka walaubagaimana kuatnya sekalipun badan untuk mencegah rasuah maka usaha itu akan gagal.

Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang membahaskan seolah-olahnya dengan menguatkan Badan Pencegah Rasuah atau Biro Siasatan Negara segala-galanya akan beres. Saya sukalah mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang bahawa kedudukan rasuah (corruption) dalam sesebuah negeri itu adalah bergantung kepada seluruh sistem yang ada dalam negara itu sebagaimana yang telah saya katakan tadi, sistem pentadbirannya, sistem undang-undangnya, sistem Kerajaannya dan dedikasi pemimpinnya, pemimpin-pemimpin Kerajaannya dan rakyat seluruhnya. Parti Pembangkang bila membahaskan

ini lupa semua sekali akan peranan orang ramai.

Peranannya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi ada disebutkan satu gulungan daripadanya iaitu gulungan taukeh-taukeh. Kalau sekiranya seluruh rakyat berdedikasi penuh, ertinya pihak orang ramai memberikan kerjasama untuk mengelakkan rasuah, maka rasuah tidak akan berlaku. Tetapi pada hari ini apa yang berlaku ialah dedikasi daripada setengah-tengah gulungan masyarakat kita adalah sangat tipis terhadap perkara rasuah ini, kalau ada peluang mereka buat. Mereka sehingga tidak mengenal lagi siapa yang boleh dibeli dan siapa tidak boleh dibeli, tetapi Ahli Pembangkang tidak pun menyedari dan tidak pun menyeru dedikasi gulungan-gulungan orang yang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Kerajaan memberi peluang supaya perkara rasuah ini dapat dibincangkan di dalam Dewan ini menunjukkan bahawa perkara rasuah ini adalah di dalam batasan kawalan yakni dalam control. The fact that the Government lets the Opposition to talk about corruption lets quite freely in this Chamber shows that corruption is not really rampant but is under control. Ini adalah satu perkara yang patut diberi tahniah kepada pihak Kerajaan yang memerintah semenjak merdeka dan kita tahu Parti Pembangkang tidak akan memberikan tahniah ataupun ucapan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada petang ini ialah memberikan kuasa yang lebih luas kepada Biro ini, dan kuasa ini jika dianggap tidak mencukupi boleh ditambah daripada satu masa ke satu masa, samada oleh Menteri yang bertanggungjawab ataupun Dewan ini nanti boleh diminta meminda untuk menguatkan lagi atau untuk meluaskan lagi kuasa bagi Biro Siasatan Negara ini. Walaupun begitu Ahli Yang Berhormat dari Batu sudah merasa sangsi, sudah merasa takut bahawa mungkin Rang Undang-undang ini yang kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang mengatakan tidak cukup luas, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Batu yang saya kira beliau tidak juga tidak pandai, takut bahawa Rang Undang-undang ini terlalu luas hingga boleh disalahgunakan kuasanya. Sebab itulah dalam ucapan saya waktu mengemukakan Rang Undang-undang ini tadi saya berkata Biro ini diberikan kuasa setimpal dengan

tugas-tugas yang hendak dijalankannya. Pegawai-pegawainya diberikan kuasa secukupnya untuk tugas-tugas yang hendak dijalankannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengadakan pegawai-pegawainya sendiri, maka Biro ini akan menjadi lebih kuat lagi pada masa hadapan. Ketua Pengarahnya adalah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan perakuan Perdana Menteri. Pegawai-pegawainya yang lain adalah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan sudah tentulah saya fikir, credibility Kerajaan Persekutuan dalam masa dua Perdana Menteri adalah menunjukkan bahawa orang yang akan diperakukan oleh Perdana Menteri adalah orang yang sesuai, orang yang berkebolehan dan orang yang ada mempunyai integrity dalam perkara ini. Oleh kerana Ketua Pengarahnya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dengan perakuan daripada Perdana Menteri, maka setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang meragukan akan kebebasan Biro ini untuk bertindak pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah memberikan jaminan di dalam Dewan ini bahawa dalam menjalankan pentadbiran, perjalanan dan pekerjaannya Biro ini adalah bebas dan Kerajaan tidak campur tangan dalam Biro ini untuk menjalankan tugas-tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang menyebutkan jasa Ketua Pengarah yang lalu. Memanglah pihak Kerajaan mengakui akan jasa Ketua Pengarah yang telah lalu dan oleh kerana kecekapan beliau, maka beliau dinaikkan pangkat. Walaupun Ketua Pengarah yang lama itu adalah cekap dan baik, maka tidaklah pula bermakna Ketua Pengarah yang ada sekarang ini tidak menjalankan tugasnya dengan baik. Sekadarkan bezanya pada masa sekarang ini perjalanan pekerjaan adalah berjalan dengan sedikit pablisiti, tidak banyak pablisiti. Itu sahaja bezanya. Ini tidaklah bererti Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah yang ada tidak menjalankan tugas-tugasnya. Sepanjang yang berkenaan dengan Kerajaan beliau berserta dengan pegawai-pegawainya adalah menjalankan tugasnya dengan memuaskan, dengan baik dan dengan cekap.

Ada syor Ahli-ahli Yang Berhormat supaya Parlimen ini menapis perlantikan Ketua

Pengarah Biro Siasatan Negara. Pernah berlaku di dalam Dewan ini, iaitu setelah di luar mempersetujui satu-satu perkara yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Parlimen, maka parti itu di dalam Dewan ini menentang laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Parlimen. Ertinya bahawa mainan politik tidak dapat diatasi lagi, maka apatah lagi kalau sekiranya Ketua Pengarah Biro Siasatan Negara ini dilantik melalui Parlimen ini atau melalui Jawatankuasa Parlimen, sebagaimana yang disyorkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang, maka perkara ini tidak dapat tidak pada suatu masa yang akan datang kalau diikuti akan menjadi "bola politik" oleh Parti-parti Pembangkang. Pihak Parti Kerajaan yang memerintah adalah bertanggungjawab kepada seluruh rakyat supaya tiap-tiap badan, tiap-tiap biro yang dilantik-nya adalah berjalan dan dapat mengatasi soal permainan "bola politik" sebagaimana yang dikehendaki oleh Parti-parti Pembangkang secara tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun syor daripada Parti Pembangkang, saya suka mengingatkan ialah parti yang memerintah Kerajaan adalah dipilih oleh rakyat dan mendapat lebih daripada  $\frac{2}{3}$  kerusi, dan kalau dalam masa menjalankan pentadbiran Kerajaan samada memilih Ketua Biro atau sebagainya dan kalau kita tidak hendak melalui Ahli-ahli Pembangkang maka kita adalah mempunyai kuasa penuh, mempunyai mandat daripada rakyat untuk berbuat yang kita fikir sebaik-baiknya untuk kepentingan rakyat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 8* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan), 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 adalah bertujuan untuk membolehkan Lembaga Pemeriksa-pemeriksa yang ditubuhkan di bawah Ordinan tersebut mengadakan peperiksaan dan mengeluarkan sijil-sijil kepada lulusan Instituti Latihan Nelayan di Batu Maung, Pulau Pinang, kursus-kursus latihan yang dijalankan di Instituti Latihan Nelayan akan melengkapkan pemuda-pemuda Malaysia di dalam kemahiran berikut:

- (i) Jeragan—Skipper (Fishing boats);
- (ii) Jeragan Terhad—Skipper Limited (Fishing Boats); dan
- (iii) Pemandu Jentera—Engine-driver (Fishing boats).

Ini akan menambahkan peruntukan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 berkenaan dengan pengeluaran sijil khas kepada nelayan-nelayan selain daripada sijil untuk Jurumudi (helmsman) atau bot-bot perikanan yang ada sekarang.

Pindaan yang dicadangkan ini cuma menambahkan perkataan "Skipper (Fishing boats); Skipper (Limited) (Fishing boats); engine-driver (fishing boats)" kepada senarai-senarai, perakuan-perakaun kelayakan yang telah diperuntukkan di dalam Seksyen-seksyen 76, 79, 80 dan 81 Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 seperti masters, mates, helmsman dan sebagainya. Dengan adanya pindaan kelulusan-kelulusan daripada instituti nelayan tersebut akan diiktirafkan dan kelulusan-kelulusan adalah layak menjadi Jurulayar bot-bot perikanan. Ini juga selaras dengan matlamat Kementerian Perhubungan supaya semua kapal-kapal yang menggunakan perairan Malaysia bukan sahaja terjamin dari segi keselamatan belayar atau sea worthiness bahkan supaya mereka yang melayarkan bot-bot itu berkelayakan tentang aturan-aturan belayar ataupun rules of the road at sea.

Dengan terdapatnya banyak kapal-kapal besar jenis tanker menggunakan perairan

Malaysia, terutama di Selat Melaka, maka masalah keselamatan perairan (safety of navigation) akan bertambah. Mereka yang berkelayakan dengan peraturan-peraturan pelayaran ini dapat mengelakkan sebarang pelanggaran di laut ataupun collision at sea. Ini adalah langkah-langkah yang berfaedah kepada perusahaan perikanan kita dan sewajar dengan tujuan Kerajaan bagi menajayakan perusahaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan V. Veerappen:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, when I received this Bill, I was a little apprehensive, but having heard what the Minister said about the issuing of Certificates of Competency to skippers of fishing boats and engine drivers of fishing boats, I am a little bit assured.

I would like, however, to get an assurance from the Minister that this test and so forth would only be applicable to the graduates who comes from the Institute of Fisheries which is established at Penang, because my apprehension has not completely been cleared because we have a large number of skippers and engine drivers of fishing boats who may not have had any training but who are capable through experience of handling these boats. Many such people definitely are not educated and they will not be able to pass a written examination, because here we see that there will be an oral examination, a written examination and an eyesight examination. Now, surely this is not required of those people who drive huge trucks and killer vehicles on our roads. We only have a practical test and I would suggest that if at all an examination of this type is necessary, then it should be a practical test. It should not be a written examination; an oral examination is quite reasonable, and a practical test, instead of a written test, would be more meaningful and reasonable. I hope the Minister would be able to give us that assurance.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya turut bersama dalam membahaskan pindaan kepada

Ordinan Perkapalan Saudagar yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan baharu sekejap tadi. Nampaknya pindaan ini ada mengetatkan sedikit peraturan-peraturan dalam perkara skipper dan engine-driver.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin sebutkan di sini ialah masalah-masalah nelayan yang ada di negeri kita khususnya di pantai timur yang sebahagian besarnya banyak yang tidak mempunyai pas ataupun mempunyai certificates yang benar-benar kerana mereka tidak dilatih ataupun diajar di Instituti nelayan ataupun Instituti Perikanan di Pulau Pinang.

Perkara ini ingin saya sebutkan di sini kerana dengan pindaan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita, saya rasa, ada beberapa masalah akan timbul kepada nelayan-nelayan kita di Pantai Timur dengan sebab mereka sekarang ini sememang kehidupan sehari-hari adalah membawa motor, membawa bot untuk menangkap ikan di sana sini dan mereka boleh dikatakan ada mempunyai kemahiran dalam hal yang tersebut, bukan sahaja untuk sekadar 2-3 batu tetapi sampai 10-20 batu daripada tepi pantai mereka boleh pergi dengan senang kerana pengalaman mereka daripada kecil sehingga tua yang bekerja dalam bidang yang tersebut.

Saya bimbang dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini, maka mereka yang tersebut tidak akan diakui untuk membawa bot-bot yang sedang mereka kendalikan di masa ini. Kalaulah demikian jadinya, maka saya bimbang akan berasa dukacita nelayan-nelayan di sana dan menjadi satu masalah untuk mencari penghidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya akui ada setengah-setengah mereka yang menerima pelajaran di Instituti Nelayan, Pulau Pinang, tetapi itu kebanyakannya daripada gulungan-gulungan muda yang mempunyai kelulusan-kelulusan sekurang-kurangnya Darjah V ataupun boleh membaca dan setengah-setengahnya itu mempunyai kelulusan S.R.P. Mereka ini dilatih di Instituti Nelayan atau Perikanan di Pulau Pinang dan orang ini tidak semuanya bekerja sebagai nelayan, kerana mereka ada certificate, jadi membolehkan mereka mencari peluang lain. Maka

tinggallah orang-orang nelayan ini, orang-orang tua yang tidak mempunyai certificate untuk membawa bot-bot yang tersebut. Saya rasa kalaulah dikuatkuasakan dengan begitu ketat, maka nereka ini menjadi sulit.

Saya harap, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mencari satu jalan bagaimana caranya untuk mengatasi dalam hal yang tersebut dan saya fikir lebih baik mereka yang telahpun sekarang ini menjadi pembawa-pembawa motor skipper atau engine-driver diberi certificate walaupun mereka ini tidak mengikuti kursus di Instituti Nelayan, Pulau Pinang dan kalau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berasa ragu-ragu kerana kalau diberi certificate mereka, maka mungkin mereka ini tidak ada latihan yang sebenar-benarnya, tetapi certificate diberi, jadi mungkin dipandang oleh orang lain tidak baik. Itu saya rasa tentu terlintas dalam fikiran Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, tetapi kalaulah begitu sekiranya ada satu jalan, saya memberi satu pandangan ia itu diberi satu certificate, kalau dalam soal tanah dipanggil lesen TOL—tumpangan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** TOL? Bukan lesen “L”?

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Bukan lesen “L”—lesen sementara. Ertinya dia boleh bekerja di situ, tetapi geran itu tak boleh kekal, sebab dia bukan sebenar-benarnya ada mempunyai geran tanah, jadi demikian juga.

Ertinya dia boleh bekerja di situ tetapi geran itu tidak boleh kekal sebab dia ini bukan sebenar-benarnya yang ada mempunyai geran tanah. Demikian juga dalam hal ini patut orang yang telah bekerja itu, tetapi dia ada kemahiran, diberi lesen TOL juga tetapi dia bukan boleh diakui sebagai yang ditauliahkan betul-betul tetapi boleh dia menjalankan tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian dalam hal ini dan supaya tidak menjadi kesulitan kepada nelayan-nelayan khususnya di tempat saya sendiri yang memang banyak daripada gulungan nelayan.

Itulah harapan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai ditimbang Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan).

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai ditimbang Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan).

### RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu salah faham. Yang sebenarnya sekolah yang ada di Batu Maung itu ialah satu peluang bagi pekerja-pekerja, kepada pemuda-pemuda diberi latihan, tetapi kita ada syllabus, ada caranya mengajar subject-subject. Tetapi akuannya itu tidak dapat kita adakan pengakuan kerana tidak ada dalam undang-undang kita. Itu sebabnya dipinda undang-undang ini. Maka apa juga certificate atau diploma yang kita beri kepada pelatih di sana itu diakui daripada kita di sini. Itu tidak adalah gangguan berkenaan dengan lesen TOL dan lain-lain itu. Saya memberi akuan tidaklah hendak menyusahkan, hendak diberi kerja, hendak diberi peluang kepada orang-orang muda yang hendak ke laut kerana pada waktu ini kita banyak pakai motor 50 tan, 35 tan iaitu yang besar-besar tonnagenya. Sebab itu kalau mereka ada latihan, dengan latihan diploma mereka pun dapat akuan bagaimana di

dalam Ordinan ini. Gaji pun mereka dapat lumayan juga kerana dengan ada akuan yang diakui. Maka itulah sahaja saya beri pengakuan ini tidak akan mengganggu apa-apa, kepada siapa cuma hendak mengesahkan diploma yang dapat di sekolah di Batu Maung itu. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### PENANGGUHAN

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

**Rumah-rumah Pekerja Keretapi di Sentul dalam Keadaan Buruk**

**Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang):** *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, the topic I am going to speak today is about the Railway Quarters at Sentul being in a bad condition. Sir, this affects about 2,000 Malayan Railway workers. Well, it looks like Members from the other side are not interested in listening to my speech. They do not seem to be concerned about the welfare of the Malayan Railway workers.

Sir, in Sentul alone there about 2,000 Malayan Railway workers residing with their families. The majority of these workers are Central Workshop employees. The living quarters provided by the Malayan Railway Administration for these workers of the lower income group are most deplorable and appalling. Time and again we have raised this problem in this House.

**Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid:** Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

*(Locing dibunyikan, Ahli-ahli dikira, kurang dari 26 hadir).*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Koram tidak cukup. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 18hb Julai, 1973.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.38 petang.*